



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid III

Bil. 4

Hari Khamis

27hb Mei, 1993

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT LAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 3)

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah
- Y.B. Tuan Rahim bin Baba (Ruangan 40)

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 130)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 27hb Mei, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Mesyuarat]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang,

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"26hb Mei, 1993.

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Duti Timbalbalas dan Duti Anti-Lambakan 1993;
- (2) Rang Undang-undang Pusat Jagaan, 1992

- (3) Rang Undang-undang Institut ..Piawaian...dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1992;
- (4) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) (1992);
- (5) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1993; dan
- (6) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 1993.

Yang iktilas,

t. t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato Seri S. Samy Vellu]:

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang—undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini, iaitu:-

- (1) Rang Undang-undang Duti Timbalbalas dan Duti Anti-Lambakan 1993;
- (2). Rang Undang-undang Pusat Jagaan, 1992
- (3) Rang Undang-undang Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1992;
- (4) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) (1992);
- (5) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1993; dan
- (6) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 1993.

Tuan Yang di—Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**DASAR PENSYARIKAT MALAYSIA - JAMINAN BEKALAN ELEKTRIK MENCUKUPI**

1. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah faedah-faedah yang telah dinikmati selepas Dasar Pensyarikatan Malaysia dijalankan dan apakah langkah-langkah yang akan dijalankan bagi memastikan bekalan elektrik mencukupi menjelang tahun 2000.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S, Samy Vellu]:

Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah yang dinikmati melalui pelaksanaan Dasar Pensyarikatan oleh Kementerian ini ialah seperti berikut:-

- (1) Mendapat kerjasama sektor swasta untuk melaksanakan 'demand side management., dengan izin, bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga;
- (2) Bagi Kempen "Minggu Penjimatan Tenaga" telah mendapat sokongan yang baik dari sektor swasta dari segi penyertaan dan sumbangan kewangan;
- C 3) Pihak swasta telah memberi kerjasama yang penuh bagi mengatasi masalah kekurangan rezab elektrik yang negara hadapi sekarang. Kerjasama ini diberi dalam bentuk catuan beban secara sukarela, penggunaan standby generators', dengan izin, mengalihkan permintaan elektrik dari tempoh permintaan puncak ke tempoh permintaan dua puncak, memberi makluman balas mengenai gangguan bekalan elektrik dan lain-lain;
- (4) Kerjasama antara agensi-agensi swasta yang dicapai melalui Jawatankuasa Bersama Sektor Awam dan Swasta juga telah membawa perkembangan sektor telekomunikasi secara teratur.

Perkara-perkara yang telah dapat diselaraskan adalah seperti berikut:-

- (a) Membuka peluang pelaburan telekomunikasi di luar negara kepada pengusaha-pengusaha tempatan;
- (b) Penyelarasan sambongtara (interconnection) di kalangan pengusaha-pengusaha telekomunikasi;
- (c) Isu penggunaan izin lalu tanah dan dasar laut oleh pengusaha telekomunikasi;
- (d) isu pembiayaan kos infrastruktur telekomunikasi di kawasan perumahan/pembangunan;
- (e) Penyelarasan 'frequency' untuk pelancaran satelit MEASAT,

Tuan Yang di-Pertua, mengenai langkah-langkah untuk memastikan bekalan elektrik mencukupi menjelang tahun 2000, Kerajaan dan Tenaga National Berhad (TNB) telah mengambil beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:-

- (a) Menambahkan keupayaan penjanaankuasa TNB dengan pelaksanaan projek secara "fast-track" dan biasa. Dalam tempoh 10 tahun akan datang, TNB merancang untuk melaksanakan 12 projek penjanaan yang akan meningkatkan keupayaan penjanaan TNB sebanyak 4,347 Megawatt, sebanyak 900 Megawatt daripadanya akan dilaksanakan secara "fast-track". Di Sarawak pula, sebanyak 11 projek telah dirancang untuk menambah keupayaan penjanaan sebanyak 360 Megawatt, manakala

di Sabah 'sebanyak-34 projek untuk menambah. keupayaan. sebanyak 949 Megawatt;

- (b) Mempertingkatkan kerja-kerja pengubahsuaian ke atas set-set janakuasa TNB yang lama dan membaiki alat-alat janakuasa yang rosak;
- (c) Menggalakkan 'demand side management', dengan izin, dan meningkatkan kesedaran pengguna supaya lebih peka terhadap penggunaan peralatan yang lebih cekap, pengurusan beban melalui skim insentif kepada pengguna elektrik yang menggalakkan pengguna-pengguna memindahkan ke sebahagian permintaan puncak mereka ke luar waktu puncak dan mengelakkan pembaziran. TNB juga telah memperkenalkan satu skim diskaun . untuk menggalakkan pengguna—pengguna yang mempunyai set—set janakuasa tunggu-sedia untuk menggunakannya pada waktu permintaan puncak.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad; Tuan Yang-di-Pertuan soalan tambahan. Memandangkan bahawa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ada menyebut masalah telekom, apa yang kita tahu bahawa Dasar Penserikatan Malaysia ini telah banyak mendapat keuntungan. Adakah Menteri bercadang untuk menurunkan sambungan telefon ke rumah-rumah dan juga bayaran telefon tiap-tiap bulan kerana memandangkan rata-rata di kampung pendapatan rakyat di kampung-kampung adalah sederhana?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sebelumnya Syarikat Telekom Malaysia telah memohon untuk menaikkan kadar tarif telefon bagi rumah-rumah persendirian daripada tarif apa yang dikutip sekarang. Tetapi Kementerian saya tidak memberi apa-apa pertimbangan untuk cadangan itu dan Kementerian sendiri telah mengkaji berkenaan dengan bayaran telefon untuk rumah-rumah di kawasan luar bandar yang mana mereka kena bayar lebih dari RM90 ke RM120 untuk mendapat sambungan kepada talian Syarikat Telekom Malaysia. Keputusan itu belum dibuat. Saya percaya tidak lama Lagi kita akan buat keputusan dan hasilnya akan memberi faedah kepada rakyat jelata di kawasan luar bandar.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak ianya bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini nama syarikat-syarikat swasta yang telah berjaya ataupun sedang dalam perbincangan untuk dapat kontrak membekal elektrik kepada TNB. Keduanya, apakah kriterianya untuk mendapat kontrak itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-pertua syarikat yang pertama telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri ialah YTL Corporation untuk membekal 1,170 Megawatt tenaga elektrik sebelum penghujung tahun 1995.

Syarikat yang kedua ialah SIKAP Sdn, Bhd daripada Kuala Lumpur juga. Syarikat ini akan membina sebuah stesen janakuasa di Lumut dengan kuasa janaan 1,170 Megawatt.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menerima cadangan mereka, tetapi cadangan itu ada. dalam perbincangan di antara TNB dengan Syarikat SIKAP Sdn. Bhd berkenaan dengan. Power Purchase Agreement (PPA). Kadar bayaran TNB. kepada syarikat itu belum ditetapkan. Jadi mengenai dua syarikat ini, satu telah diberi lesen oleh saya sebagai Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Satu lagi belum menerima lesen. Apabila mereka menandatangani perjanjian di antara TNB dengan syarikat tersebut, barulah pemberian lesen akan dipertimbangkan.

Dua lagi projek 'fast track' telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Saya tahu oleh kerana saya mendapat maklumat daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), tetapi keputusan adakah projek itu diluluskan atau tidak, belum dapat tahu lagi.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan ada 11 projek yang telah dirancang untuk Sarawak. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri menyatakan di manakah projek itu akan dibina?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jumlah projek ialah 11. Penjelasan berkenaan dengan projek itu saya minta notis daripada Ahli Yang Berhormat. Ini adalah kerana saya tidak mempunyai angka-angka di tangan saya di sini selain daripada apa yang ada di dalam "komputer kepala" saya. [Ketawa]

BURUH ASING - BILANGAN

I. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan buruh asing yang telah didaftar oleh Jabatan Imigresen mengikut kewarganegaraan asalnya;
- (b) bilangan pendatang haram yang dianggarkan berada di seluruh Malaysia mengikut kewarganegaraan asalnya; dan
- (c) berapa kes pemalsuan kad pengenalan yang telah dikesan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Oug Ka

ring]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pekerja asiag yang mendaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia mengikut pecahan negara asal adalah seperti berikut:-

| | Negara Asal | Jumlah orang |
|-------|--------------------|---------------------|
| (i) | Indonesia | 311,434 |
| (ii) | Thailand | 22,524 |
| (iii) | Bangladesh | 18,972 |
| (iv) | Myanmar | 9,408 |
| (v) | India | 8,624 |
| (vi) | Lain-Lain | 73,251 |
| | Jumlah | 444,213 |

- (b) Bilangan sebenar pendatang tanpa izin di negara ini adalah tidak dapat dipastikan kerana mereka telah memasuki negara ini tidak melalui pintu masuk (entry point) yang diwartakan.
- (c) Sejak tahun 1990 hingga Mac, 1993, sebanyak 2,173 kes kad pengenalan palsu telah dikesan. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut ialah:-
- (i) mengenakan tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat;
 - (ii) melaksanakan projek Kad Pengenalan Keselamatan Bermutu Tinggi (KPT) yang mempunyai ciri—ciri keselamatan yang sukar dipalsukan; .
 - (iii) mengenakan syarat-syarat yang ketat kepada permohonan menggantikan kad pengenalan yang dilaporkan hilang.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat nyatakan bilangan buruh asing yang didaftarkan itu mengikut bidang pekerjaan mereka?

Soalan tambahan kedua, apakah Kementerian Dalam Negeri bercadang menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menangkap mereka yang terlibat dalam kes pemalsuan kad pengenalan?

Tuan Ung Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya memberi angka-angka di sini ialah mereka yang telah didaftar dan telah diberi atau diluluskan permit kerja oleh Jabatan Imigresen:—

| Sektor Pekerjaan | Jumlah Permit Kerja |
|------------------|---------------------|
| Pembantu rumah | 55,296 |
| Perladangan | 100,542 |
| Pembinaan | 60,290 |
| Pembuatan | 6,300 |
| Lain-lain. | 12,274 |
| Jumlah | 234,702 |

Ini bermakna 234,702 pekerja asing yang telah didaftar itu telah diluluskan permit kerja dan bahawa yang lain—lain, iaitu baki daripada 444,213 yang didaftar itu setelah tolak 234,702 yang dapat permit kerja, itu semuanya masih dianggap pendatang tanpa izin. Mereka sama ada tidak memohon permit kerja ataupun apabila diluluskan mereka tidak ambil permit kerjanya.

Untuk menjawab soalan yang kedua, mengenai mereka yang telah terlibat dalam sindiket pemalsuan dokumen perjalanan ataupun kad pengenalan dan sebagainya, sehingga pertengahan bulan Mei ini terdapat 37 orang telahpun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak beberapa tahun yang lalu. Ini adalah kerana mereka terlibat bukan sahaja dalam kad pengenalan palsu tetapi juga dokumen-dokumen perjalanan yang lain.

Antara 37 orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu terdiri dari 8 orang kakitangan Kerajaan dan 29 orang awam. Dijangka pihak Polis DiRaja Malaysia pada masa ini sedang mempergiatkan lagi siasatan dan juga tindakan terhadap sindiket-sindiket yang masih beroperasi. Dijangka lebih tangkapan ataupun tindakan mahkamah akan diadakan dalam masa yang pendek nanti.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat; apakah Yang Berhormat sedar atau Kerajaan sedar bahawa memang terdapat sekarang ini ramai pendatang-pendatang haram terutamanya dari Bangladesh yang berkumpul di pekan-pekan di selatan Thailand sebelum mereka dibawa masuk ke negara kita oleh sindiket-sindiket. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu bentuk kerjasama dengan Kerajaan Thailand untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan berhasrat untuk mengadakan usaha kerjasama di antara kedua-dua negara, bukan sahaja untuk pendatang tanpa izin dan juga untuk kegiatan-kegiatan haram yang lain. Selain daripada itu, pihak berkuasa di negara kita telahpun memperketatkan lagi rondaan kita dan juga penguatkuasaan di sempadan-sempadan dengan jiran kita. Jadi, ini memang adalah satu perkara di dalam perhatian pihak berkuasa di Malaysia.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan telah memperkenalkan Kad Pengenalan baru dan di antara sebab yang diperkenalkan ialah kerana sukar untuk dipalsukan. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berlakunya kes pemalsuan kad pengenalan ini ialah berlaku kepada kad pengenalan lama ataupun baru?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, semua kes 2,173 yang

saya sebutkan tadi itu adalah semuanya Kad Pengenalan. lama iaitu kad pengenalan bentuk pelastik. Setakat hari ini belum ada kad pengenalan KPT yang genuine yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara yang telah dipalsukan, yang dapat itupun cara mereka cuba hendak fotostat ataupun offset dengan cara yang senang dikesani, dan kualitinya kasar. Itu bukan dikira pemalsuan KPT yang berjaya. Jadi, mudah-mudahan cara-cara keselamatan untuk memastikan KPT ini tidak dipalsukan boleh berjaya sehingga satu masa yang panjang.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa ada Wakil Rakyat ADUN ataupun pihak tertentu di Sabah telah memberi pengakuan bahawa memalsukan bagi membolehkan rakyat asing memohon Sijil Kelahiran Lewat, untuk mendapatkan kad pengenalan palsu. Kalau sedar, sejauh manakah penyiasatan ataupun tindakan—tindakan, Kementerian setakat ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang sedar; pihak Polis sedang menyiasat perkara ini iaitu ADUN yang terlibat adalah sedang disoal-siasat. Apa yang penting, pihak Kementerian Dalam Negeri ataupun pihak Polis hendak memastikan ialah sama ada sesuatu usaha itu sudah sampai serius sehingga adalah usaha sindiket ataupun satu usaha yang tidak sengaja. Misal kata, kalau sekiranya ada Wakil Rakyat, dia beri sokongan sesiapa datang hendak memohon ini, hendak memohon **itu**, dia sokong, dia jamin tanpa tahu latar belakang, Kalau secara cuai dan bukan bermotif dirancang dengan secara

besar-besaran-mungkin kita tidak anggap itu adalah satu perkara yang terlalu serius sehingga kita anggap dia memudaratkan Ketenraman awam.

Jadi, ini semua sudah dalam siasatan Polis, kita tunggu lah sedikit masa nanti.

Tuan Yang di—Pertua: Soalan yang akhir, Yang Berhormat Tuan Hong Cheng Wang.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan, apakah perbezaan di antara pendatang-pendatang dari Vietnam, dari Somalia dan Indonesia. Yang kita tahu, yang dari Vietnam, yang kita lihat yang lari dari perang di negara mereka, lari masuk. Bagi Somalia, kita ambil masuk. Bagi Indonesia, dia curi masuk. Mengapa kita membenarkan pendatang-pendatang dari Indonesia mendapat permit kerja dan bekerja di sini, dan tidak sama kita beri kepada pendatang-pendatang Vietnam yang dihadkan di Kem Sungai Besi di sini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini terkeluar sedikit, saya rasa, saya cuba jelaskan sedikit untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Adalah jelas sekali, pelarian Vietnam ini bukan pendatang tanpa izin, tidak boleh kita banding dengan pendatang tanpa izin yang lain, yang datang bertujuan untuk bekerja di sini. Lebih-lebih lagi ramai sangat majikan di sini sanggup hendak mengambil mereka untuk bekerja, dan sebab ada demand di market, sudah ada supply walaupun tanpa izin.

Dan untuk Vietnam pula mereka ini datang apabila pada masa sebelum tahun 1989, pada masa itu kita masih boleh menerima mereka sebagai pelarian. Pelarian maknanya dia ada perang atau ada sesuatu sebab di negaranya terpaksa mereka meninggalkan negara mereka. Jadi, melalui Persidangan Antarabangsa di Geneva pada tahun 1989 yang dihadiri oleh lebih kurang 70 negara, semuanya telah bersetuju supaya ada satu 'cut-off date' selepas 'cut-off date' itu kalau sekiranya pelarian Vietnam itu datang lagi, kita tidak anggap mereka jadi pelarian lagi. Jadi, yang banyak dalam Kem Sungai Besi pada masa ini, ramai daripada mereka itu sehingga 5,000 lebih adalah datang selepas 'cut-off date'. Jadi, mereka tidak boleh dianggap lagi pelarian dari segi apa yang diiktiraf oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Oleh sebab itu, mereka tidak bolehlah dilepaskan untuk diberi layanan yang benar-benar mereka sepatutnya balik kepada negara mereka. Lebih-lebih lagi salah satu persetujuan di Persidangan Antarabangsa ialah untuk pelarian, kita tidak boleh ambil mereka untuk bekerja. Ini adalah satu prinsip antarabangsa, bukan sukanya Malaysia hendak buat macam itu. Begitu juga kalau Indonesia-kah, Bangladeshkah, itu semua dia datang secara taapa izin dan Kerajaan juga tidak benar yang tanpa izin itu duduk di sini.

Saya sudah terangkan beberapa kali iaitu Operasi Nyah I dan II, semua diguna untuk menangkap mereka dan mengikut undang-undang negara kita.

Bagi negara seperti Somalia atau negara yang lain, sebab

peperangan masih diadakan Jadi berdasarkan itulah kita ambil mereka atas apa yang kita buat itu tidak melanggar, bercanggah dengan prinsip antarabangsa....

PEHYAKIT TIBI - RANCANGAN KAWALAN

3. Tuan K. Vijayanathan minta Menteri Kesihatan menyatakan bolehkah beliau memberi butir—butir mengenai langkah—langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mencegah merebaknya Batuk Kering dalam negara ini memandangkan kepada Pernyataan baru-baru ini oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (W.H.O.) bahawa penyakit ini telah sampai ke tahap epidemik dan memandangkan kepada fakta bahawa "Mycobacterium Tuberculosis Bacillus" sekarang berdaya lawan (resistent) kepada ubat-ubat sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K.

Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telahpun diambil oleh pihak Kementerian adalah seperti berikut:-

- (i) Meningkatkan kesedaran di kalangan orang awam melalui media massa, pameran, public forum mengenai penyakit tibi dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk rawatan dan penyembuhan.
- (ii) Meningkatkan kesedaran di kalangan Pegawai-pegawai Perubatan dan para medik yang terlibat di dalam Rancangan Kawalan Tibi, yang diadakan di peringkat Pusat dan juga negeri. Penyelidikan khusus berkaitan dengan penyakit tibi diberikan dengan tepat dan berkesan.

- (iii) Pusat Tibi 'Negara telahpun membuat-garis panduan mengenai rawatan tibi dan juga garis panduan ... Rawatan Tibi di kalangan pesakit-pesakit yang menghidapi HIV dan AIDS.
- (iv) Pada masa kini penyakit Tibi masih lagi terkawal di negara ini dan ianya belumlah lagi sampai ke tahap epidemik seperti di negara-negara yang lain.
- (v) Walau bagaimanapun, di negara-negara lain, Mycobacterium Tuberculosis mempunyai berdaya lawan kepada ubat-ubatan sekarang. Memandangkan penyelidikan dan ujian yang terdapat di Pusat ini, tahap berdaya lawan kepada ubat-ubatan yang kita punyai sekarang adalah amat berkurangan dan ini tidak merupakan satu masalah untuk Rancangan Kawalan Tibi bagi negara ini.
- (vi) Kementerian Kesihatan juga telah mengambil berat tentang perkara yang dialami oleh negara-negara lain sebagaimana yang diterangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Rancangan Kawalan Tibi di negara ini sedang diawasi dan tindakan diambil serta-merta supaya perkara ini tidak berlaku.

Sementara itu berbagai-bagai aktiviti yang ditekankan oleh pihak Kerajaan adalah untuk menguatkan lagi suntikan BCG kepada bayi-bayi yang baru lahir ke tahap yang tinggi sekali.

Meningkatkan pengesanan kes-kes tibi di semua hospital-hospital Kerajaan dan juga di klinik-klinik kesihatan. Semua kes-kes yang di—kesan diberikan rawatan yang cepat hingga sembuh. Kes-kes yang ingkar rawatan juga di—kesan di bawa balik semula untuk meneruskan rawatan hingga sembuh.

Puan Hajah Selemiah binti Hashim: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah suntikan ubat pelali (BCG) yang biasanya diberikan kepada bayi selepas dilahirkan dapat menjamin sepenuh perlindungan untuk sepanjang hayat?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, BCG diberi kepada bayi mempunyai daya tahan sehingga lebih kurang 15-20 tahun.

AHLI-AHLI BOMBA - PEMBINAAN

4. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perkembangan pembinaan **pili-pili** Bomba di luar-luar bandar dan seterusnya menyatakan sistem kawalan bagi menentukan **pili-pili** Bomba tersebut berfungsi dan dapat sebenarnya mencegah kebakaran jika berlaku,

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, di kawasan luar bandar yang baru dibangunkan tanggungjawab mengadakan **pili-pili** Bomba adalah terletak kepada agensi yang membangunkan kawasan itu. Pihak bomba akan membantu menasihatkan tempat dan bilangan yang sesuai diadakan.

Bagi kawasan-kawasan lama di luar bandar, sama ada perlu di— tambah **pili-pili** Bomba yang baru, ini sentiasa dikaji oleh pihak Bomba. Faktor berikut akan diambil kira:

- (i) kemudahan jalan masuk;
- (ii) kemudahan saluran paip air, Jabatan Bekalan air;
- (iii)** risiko kebakaran di kawasan berkenaan;
- (iv) kemajuan pembangunan kawasan berkenaan.

Sekiranya didapati perlu usaha akan diambil untuk memberi peruntukan bagi mengadakan **pilinya**,

Pihak Jabatan Bomba telah mengadakan satu pasukan khas (unit khas) untuk memeriksa **pili-pili** Bomba ini di setiap Balai Bomba di

seluruh Malaysia bagi tujuan untuk menentukan bahawa pili-pili Bomba tersebut, berfungsi dengan baik dan boleh digunakan pada setiap masa berlakunya kebakaran di dalam mengawal dan memadam kebakaran.

Di samping itu, bagi menentukan pili-pili Bomba adalah di dalam keadaan baik dan boleh digunakan, Jabatan Bomba telah mengadakan "Skim Teman Pili Bomba" kepada orang awam, pertubuhan sukarela, institusi-institusi, pihak-pihak berkuasa yang lain dan juga pihak swasta.

LEBUHRAYA IPOH/TANJONG MALIM - PERKEMBANGAN PROJEK

5. Dato' Azumu bin Tak minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah perkembangan Lebuhraya Ipoh/Tanjong Malim setakat iai dan bilakah Lebuhraya ini boleh digunakan oleh orang ramai,

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kontrak pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan, bahagian Lebuhraya di antara Ipoh dan Tanjong Malim adalah dijadualkan untuk di siapkan sepenuhnya pada bulan April, 1994. Bahagian-bahagian Lebuhraya yang terlibat dan tarikh siap pembinaan adalah seperti berikut:-

- (i) bahagian dari Ipoh ke Simpang Pulai - panjangnya 13.6 km; tarikh siap - Januari, 1994;
- (ii) dari Simpang Pulai ke Gopeng - panjangnya 9.8 km; tarikh siap - Jun, 1993;
- (iii) dari Gopeng ke Tapah - panjangnya 30.3 km; Tarikh siap - bulan April, 1994.

- (iv) dari Tapah ke Bidor - panjangnya 13 km;
- (v) dari Bidor-Sungkai panjangnya 13.8 km;
- (vi) dari Sungkai ke Slim River - panjangnya 18.7 km; dan
- (vii) dari Slim River ke Tanjong Malim panjangnya 27 km;

Tarikh siap keempat-empat projek ini ialah pada bulan Oktober, 1993.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

UNIVERSITI DI NEGERI CHINA - KEBENARAN PENUNTUT MALAYSIA

6. Tuan Rahim bin Baba [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan semakin pentingnya bahasa Cina di bidang perdagangan dan diplomatik di kawasan Basin Pasifik:

- (a) adakah Kementerian sedia menimbang membenar pelajar—pelajar kita melanjutkan pendidikan di universiti tertentu di Negeri China; dan
- (b) adakah Kementerian sedia menghantarkan pelajar-pelajar kita menerima pendidikan teknologi, perubatan arkitek dan sebagainya di universiti-universiti tertentu di negeri China.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua-, Kementerian Pendidikan belum lagi bercadang, untuk menghantar pelajar—pelajar kita melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tertentu di Negeri China buat masa sekarang.

Tuan Yaag di-Pertua: Tuan Wan Hamid Edruse bin Tuanku Haji Mohamad.

Tuan Douglas Sullang anak Ganda: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

REMAJA - JALAN PENYELESAIAN MASALAH

7. Tuan Douglas Sullang anak Ganda [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan peningkatan masalah remaja yang lari dari rumah adalah disebabkan oleh kerana faktor penolak dan faktor penarik oleh keadaan mendesak dalaman di dalam rumah tangga dan peluang-peluang pekerjaan yang digembar-gemburkan di dalam pasaran buruh di negara ini. Antara lain usaha yang sedang dijalankan bagi mengatasi masalah ini, adakah Kementerian beliau mengadakan hubungan untuk mencari penyelesaian secara kerjasama dengan agensi lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan sebagainya.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Alexander Yu Lung Lee]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa masalah remaja yang lari dari rumah adalah disebabkan oleh faktor penolak seperti keadaan situasi di rumah yang tidak menyenangkan dan sikap keluarga yang membosankan, dan faktor penarik seperti sukakan cara hidup bebas, pengaruh teman lelaki dan sebagainya. Dari pengalaman, didapati faktor peluang pekerjaan yang banyak terdapat di dalam pasaran bukan menjadi sebab remaja melarikan diri dari rumah.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, memang wujud kerjasama di antara Kementerian saya dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Polis DiRaja Malaysia dan pertubuhan-pertubuhan sukarela bagi mengatasi masalah ini.

RUMAH MURAH - PENGAGIHAN PERUNTUKAN

8. **Tuan R. Munisamy** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai pengagihan peruntukan rumah kos murah perlu dipertingkatkan bagi masyarakat India, selaras dengan program-program Rancangan Kemiskinan. Adakah penghuni-penghuni di estet dimasukkan dalam Rancangan PPRK.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, dasar pengagihan rumah di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri biasanya akan mengambil kira keperluan kaum dari pelbagai keturunan demi kepentingan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak terlibat dengan projek PPRK yang dibangkitkan oleh Ahli.Yang Berhormat. Kementerian ini hanya terlibat dengan Projek Program Awam Kos Rendah dan Skim Pertapakan Kemudahan Asas sahaja.

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL DI PONTIAN - PEMBINAAN

9. Tuan Neo Tuan Cheng minta Menteri Pendidikan menyatakan. bilakah Kementerian Pendidikan akan memulakan projek untuk membina sebuah Sekolah Menengah Vokesyenal di Daerah Johor yang telah di—cadangkan dalam Rancangan Malaysia yang Keenam dan telah lama ditunggu-tunggukan" oleh penuntut-penuntut dan ibu bapa-ibu bapa di Pontian memandangkan Pontian adalah sebuah daerah yang sedang membangun dengan pesat.

Tuan Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang merancang untuk membina sebuah Sekolah Menengah Vokasional di Pontian, Johor Darul Takzim di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Cuma projek ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu kerana peruntukan yang terhad. Projek-projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kelima yang diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keenam telah meningkat kosnya dan dengan demikian baki peruntukan projek baru berkurangan.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Mengapakah peruntukan-peruntukan yang diluluskan untuk membina sesebuah sekolah, tetapi selepas itu kita dapati sekolah-sekolah ini dibina dalam masa yang begitu panjang, kadangkadang sampai dua tahun ataupun tiga tahun. Ke manakah perginya peruntukan yang diluluskan ini?

Dr' Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kementerian Pendidikan supaya semua projek yang telah dirancang akan dapat dilaksanakan dalam masa yang dijadualkan, akan tetapi oleh kerana kos untuk semua projek yang dirancang adalah berbeza dan terdapat banyak projek-projek di mana kosnya telah bertambah, maka dengan itu Kementerian Pendidikan terpaksa mengkaji semula semua projek. Oleh kerana itulah ada sebahagian projek yang terpaksa ditangguhkan sedikit raasa dahulu sebelum kita mendapat peruntukan yang cukup untuk melaksanakan semua projek tersebut.

PENDATANG HARAM - PERBELANJAAN TERLIBAT

10. Tuan V.K. Sellapan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah orang pendatang haram yang ditempatkan di kem-kem khas;
- (b) berapakah perbelanjaan yang terlibat untuk ditanggung oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (c) majikan-majikan tidak berapa suka untuk merekrutkan tahanan pendatang haram dengan beberapa sebab. Adakah cadangan yang lain untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Sehingga bulan Mei, 1993, seramai 4,076 orang pendatang dan pekerja asing tanpa izin telah ditahan di 8 buah depoh Imigresen di seluruh negara.
- (b) Kerajaan membelanjakan sebanyak RM2.90 seorang setiap hari bagi membiayai tahanan di depoh-depoh berkenaan.
- (c) Kerajaan memang sedar majikan-majikan tidak begitu berminat untuk mengambil pekerja-pekerja asing yang sedang ditahan di depoh-depoh Imigresen kerana didakwa tidak sesuai untuk bekerja di sektor-sektor yang dibenarkan.

Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga- pekerja di sektor- sektor tertentu, selain dari membenarkan majikan mengambil tahanan- tahanan di depoh-depoh Imigresen, mereka juga dibenarkan mengambil pekerja-pekerja asing tanpa izin yang sedang bekerja di negara ini jika mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan perbelanjaan uatuk tahanan-tahanan kita di dalam jel dengan tahanan- tahanan pendatang haram, yang manakah lebih perbelanjannya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita hendak bandingkan belanja hakiki, perbelanjaan di dalam jel itulah lebih. Tetapi kalau sekiranya kita hendak tengok apa tahanan di dalam jel itu buat, sebahagian dari mereka juga adalah dibenarkan membuat kerja-kerja dalam sekatan.

Jadi, dia juga cari sesuatu pendapatan untuk menampung. Jadi, kalau kita hendak bandingkan keseluruhannya, adalah sukar untuk buat perbandingan yang mana lebih dan yang, mana kurang. Tetapi ini adalah satu tahanan sementara di depoh—depoh Imigresen, bukan untuk jangka panjang. Kita tidak mahu penahanan ini menjadi lama sangat. Kalau lama sangat, itu adalah kurang sihat untuk negara.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apabila disebut "sementara", selalunya berapa lamakah seseorang pendatang haram itu ditahan sebelum dihantar balik ke negara mereka?

Tuan Ong Ka Ting: Hasrat Kerajaan ialah secepat yang mana kita boleh mengeluarkan seseorang tahanan. Ada beberapa cara kita boleh mengeluarkan mereka. Salah satu cara ialah sekiranya ada majikan sanggup dan ia ingat seseorang pendatang haram itu sesuai dan boleh bekerja dan seseorang tahanan itu mempunyai pengesahan iaitu dia datang dari mana dan dia boleh pohon dokumen perjalanannya dengan cepat, maka kategori tahanan ini akan dikeluarkan serta merta dan dibenarkan majikan baru.

Untuk mereka yang benar-benar tidak sesuai, katakan dia tidak diambil oleh sesiapa dan tidak ada kemahiran, maka dengan kerjasama duta-duta negara mereka, kita terpaksa tunggu dokumen perjalanannya sebelum Kerajaan boleh hantar mereka pulang. Tanpa dokumen perjalanannya, Kerajaan tidak boleh hantar mereka keluar ke mana-mana negara pun mereka tak boleh masuk.

Jadi, hasrat Kerajaan ialah untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin ini dengan secepat mungkin.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah dasar Kerajaan untuk memberi pekerjaan kepada pendatang haram?

Tuan Ong Ka Ting: Semua pendatang haram tidak diizinkan bekerja sehingga mereka sudah melalui syarat-syarat tertentu iaitu dapatkan dokumen perjalanan untuk sahkan identitinya, Yang kedua, dia kemukakan permohonan untuk mendapatkan permit kerja dan dengan jaminan majikan. Jika semua syarat-syarat itu dipenuhi, kita menganggap mereka bukan pendatang haram lagi sebaliknya sebagai pekerja yang diizinkan. Yang tidak diizinkan **itu**, Kerajaan tetap akan hantar balik ke negara asal mereka.

Tuan Yang di Pertuan: Soalan akhir Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang.

Tuan Ho Cheng Hang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa puas hati dengan jawapan (b) yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat berkata, perbelanjaan seorang ialah RM2.00 sehari. Bolahkah beri satu jumlah, jangan cakap atau menjawab RM2.00 sehari?

Tuan Ong. Ka Ting: Saya ingin membetulkan Yang Berhormat sedikit, bukan RM2.00 tetapi RM2.90. Kalau **dia**. dengar jawapan saya silap sedikit, mungkin dia pun anggap semua jawapan saya salah. Tetapi tidak **apa**. Saya hendak beri penjelasan, di sini budget Kerajaan. Kerajaan memang sudah ada satu peruntukan yang tetap iaitu setiap tahanan masuk, cuma RM2.90 akan diperuntukkan untuk

membiayai makanan seharian. Sebab tempat duduk sudah ada, tidak payah kita belanja apa-apa lagi. cuma kita bayar kepada catering untuk bilangan berapa orang. Tadi, saya telah beritahu 4,076 orang pendatang tanpa izin dalam depot, jadi kita darablah dengan RM2.90 sehari. Barapa lama dia ada, itulah jumlah arichmeticnya.

Tuan Yang di Pertuan: Tuan Frankie Chong Yu Chee.

LANDASAN LAPANGAN TERBANG SANDAKAN KEROSAKAN LANDASAN

11. Tuan Ding Seling [Di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) apakah sebab utama kerosakan landasan Lapangan Terbang Sandakan dan bilakah ianya akan siap diperbaiki dan berapakah kos pembaikan tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Lapangan Terbang di Tawau. Kalau ya, bilakah ianya akan dilaksanakan dan berapakah kos pembinaannya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada:

- (a) ialah landasan Lapangan Terbang Sandakan mengalami kerosakan kerana masalah "Sub-base course, dengan izin, dan sistem perparitan. Tindakan telah diambil untuk membaiki landasan tersebut dan ianya dijangka selesai dalam tempoh 65 minggu dari tarikh kerja dimulakan. Kerja dijangka dimulakan dalam bulan Julai 1993. Kos kerja pembaikan ialah RM34.4 juta.

- (b) Kerajaan memang ada rancangan untuk membina sebuah lapangan terbang baru di Tawau. Pelaksanaan adalah bergantung kepada, dengan izin, "availability of funds". Kos projek belum dapat ditentukan kerana ia bergantung kepada fakta—fakta seperti skop kerja dan bila projek ini akan dilaksanakan, yang mana pada masa ini belum lagi ditentukan.

USAHAWAN-USAHAWAN MELAYU - KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KERAJAAN

12. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan memandang bahawa usahawan-usahawan Melayu masih lagi ketinggalan dalam lapangan perniagaan mereka, walaupun pihak Kerajaan telah banyak memberi bimbingan dan pertolongan. Dalam kontek ini apakah lagi kemudahan-kemudahan dan rancangan-rancangan yang bakal diperuntukkan oleh Kerajaan kepada rakyat-rakyat. Melayu mengikut Kementerian-kementerian dan agensi-agensi berikut (Sebutkan rancangan-rancangan dan apa sahaja kemudahan-kemudahan yang direncanakan oleh Kerajaan melalui):-

- (a) MARA;
- (b) UDA;
- (c) Bank Pembangunan;
- (d) Kementerian Luar Bandar;
- (e) Kementerian Kerja Raya;
- (f) Jabatan Perdana Menteri;
- (g) Jabatan Pertanian; dan
- (h) JKR

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua,

menyedari akan hakikat bahawa golongan bumiputera masih jauh ketinggalan dari kaum-kaum lain dalam pelbagai bidang, khususnya ekonomi, Kerajaan di bawah Dasar Pembangunan Negara (PPN) iaitu dasar pengganti kepada Dasar Ekonomi Baru, akan terus memberi tumpuan ke arah pembangunan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Matlamat MPPB di bawah DPN adalah memupuk dan mengembangkan asas keusahawanan di kalangan bumiputera dan seterusnya mewujudkan usahawan-usahawan yang berdayatahan dan berdayamaju dalam semua sektor ekonomi moden melalui penglibatan mereka secara langsung dan aktif dalam dunia perniagaan.

Ke arah matlamat MPPB tersebut, Rancangan Malaysia Keenam dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, yang kedua-duanya telah dibentang dalam Dewan **ini**, menggariskan strategi-strategi dan program-program yang akan dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian/ agensi Kerajaan.

Program-program yang dilaksanakan merangkumi pinjaman perniagaan, perdagangan dan pemasaran, ruangniaga/infrastruktur, penyelidikan, latihan, khidmat nasihat dan aktiviti perkilangan dan perusahaan.

Bagi memastikan program-program yang dirancang dilaksanakan dengan berkesan, Kerajaan sentiasa memberi perhatian ke arah memantapkan delivery system, dengan izin, agensi-agensi pelaksana. Di antaranya ialah memastikan pemilihan usahawan adalah berasaskan prinsip kemampuan berdayatahan dan berdayamaju.

Tuan Yang-di-Pertuan seperti yang selalu disarankan matlamat Kerajaan adalah untuk mewujudkan dan membantu peningkatan usahawan-usahawan bumiputera ke tahap di mana mereka tidak lagi bergantung kepada Kerajaan baik dari segi modal, pasaran dan bimbingan. Oleh itu, usahawan-usahawan bumiputera hendaklah mengikis sikap "subsidy mentality" dari mula mereka memasuki bidang keusahawanan agar sikap ini tidak membendung mereka dari mencapai tahap usahawan yang berdayasaing, bukan sahaja di peringkat pasaran tempatan tetapi juga di pasaran antarabangsa.

KOLEJ SWASTA - MAHFAAT KEPADA PELAJAR LUAR BANDAR

13. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kewujudan kolej-kolej swasta di negara ini yang tumbuh macam cendawan setelah hari hujan membawa manfaat jangka panjang kepada pelajar-pelajar luar bandar atau hanya menguntungkan pelajar-pelajar dari keluarga mewah sahaja, dan jika ya, apakah tindakan susulan untuk mengimbangi kemajuan pelajar-pelajar luar bandar yang rata-rata ketinggalan jauh dalam bidang pendidikan ini.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-pertua, walaupun kebanyakan institusi pendidikan swasta adalah terletak di kawasan bandar, tetapi kemasukan ke institusi tersebut tidak terhad kepada pelajar-pelajar dari bandar sahaja. Sesiapa sahaja boleh diterima masuk ke institusi tersebut jika memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk mengikuti kursus-kursus berkenaan dan berkemampuan untuk menjelaskan yuran-yuran yang dikenakan.

Pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan masuk yang mencukupi tetapi kurang mampu untuk menjelaskan yuran-yuran yang dikenakan boleh memohon bantuan kewangan dari berbagai pihak yang menyediakannya termasuk institusi-institusi itu sendiri.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Projek Langkawi yang dianjurkan oleh MCA termasuk di dalam kalangan kolej-kolej swasta dan menolong kemajuan pelajar-pelajar luar bandar ini?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Projek Langkawi itu ialah untuk membantu pelajar-pelajar sekolah rendah di kawasan luar bandar kerana kita dapati bahawa kebanyakan mereka hidup di dalam suasana yang kurang memuaskan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan di bandar. Itulah tujuan Projek Langkawi. Projek Langkawi itu, belum lagi bercadang untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar untuk memasuki kolej-kolej swasta pada masa sekarang.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan wujudnya sekolah-sekolah swasta ini, adakah falsafah pendidikan dan Dasar Pendidikan Negara yang telah diterapkan oleh Kerajaan dengan begitu unggul akan menyebabkan tidak wujudnya semangat keMalaysiaan yang tulen dan juga kerana kurikulumnya berbeza dengan kurikulum yang disediakan oleh mana-mana sekolah bantuan Kerajaan menyebabkan ketaatsetiaan pelajar-pelajar kolej-kolej swasta akan berkiblatkan kepada negara lain?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak Kolej-kolej swasta itu diberi kebenaran/kelulusan untuk ditubuhkan atas syarat-syarat yang telah dikenakan oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan hanya memberi kelulusan. kalau puas hati dengan kursus—kursus, dengan kurikulum dan dengan kelayakan kakitangan tersebut bahawa kolej-kolej tersebut bolehlah memberi kursus-kursus yang amat diperlukan oleh negara kita, termasuklah di bidang teknik, di bidang vokasional dan sebagainya. Ini semua atas keperluan masyarakat kita. Kementerian Pendidikan seterusnya akan menentukan bahawa kolej-kolej swasta tersebut akan terus, berfungsi mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah dikenakan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Yang Berhormat sedar bahawa wujudnya kolej-kolej swasta ini ianya akan menjejaskan hasrat Kerajaan untuk mengimbangi tenaga profesional di antara mereka yang berasal daripada dalam bandar dan juga luar bandar?

Yang keduanya, jika sedar, apakah Kerajaan bercadang mengadakan kuota tertentu kepada pelajar-pelajar daripada luar bandar untuk memasuki kolej ini dan adakah Kerajaan Pusat akan memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin, khasnya kepada 'pelajar-pelajar daripada luar bandar?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi tujuan Kementerian Pendidikan, di mana kita galakkan lebih ramai pelajar-pelajar kita dari luar bandar diberi lebih peluang untuk

melanjutkan pelajaran mereka . Seperti yang saya telah terangkan-tadi, sungguhpun kolej-kolej swasta ini diletakkan di kawasan bandar, tetapi pelajar-pelajar kita dari luar bandar juga boleh memasukinya.

Di sini, buat masa sekarang, oleh kerana kolej-kolej swasta itu adalah dianjurkan oleh pihak swasta, Kementerian Pendidikan memang tidak boleh menentukan atau mesyarkan. kolej- kolej tersebut berfungsi mengikut bilangan pelajar, mengikut kawasan tetapi mereka bolehlah terus mengambil pelajar-pelajar dan sebagainya. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan bolehlah memberi nasihat kepada kolaj-kolej tersebut supaya mereka memberi keutamaan kepada calon-calon dari luar bandar,, Itu, Kementerian Pendidikan boleh beri sebagai nasihat dan kita terima cadangan daripada Yang Berhormat Kementerian Pendidikau seterusnya akan menentukan bahawa ada kerja— sama antara kolej-kolej tersebut supaya mereka akan memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar dari luar bandar.

ROMPAKAN OLEH LANUN-LANUN LAUT - TINDAKAN PIHAK MARIN

14, Tuan Ho Cheng Wang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bot-bot nelayan tempatan dilaporkan telah dirompak dan disamun oleh lanun laut di Semenanjung Malaya dari tahun 1990 sehingga masa setakat ini. Apakah tindakan telah diambil oleh pihak Marin untuk mencegah rompakan—rompakan tersebut.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Partua,

- (a) Sejak tahun 1990 sehingga kini, sebanyak 11 buah bot nelayan tempatan yang telah dilaporkan dirompak dan disamun oleh lanun di laut Semenanjung Malaysia.

- (b) Tindakan yang telah diambil oleh pihak-Marin untuk mencegah rompakan adalah seperti berikut:
- (i) mengambil tindakan koordinasi dengan unit-unit dalam Polis DiRaja Malaysia;
 - (ii) mengumpul risikan keselamatan;
 - (iii) melancarkan operasi khas;
 - (iv) menugaskan kapal ronda di kawasan yang strategik dan sensitif;
 - (v) membekalkan unit-unit terlibat dengan peralatan-peralatan moden seperti 'Night Vision Binoculars, peralatan komunikasi dan satellite navigator;
 - (vi) meletakkan anggota-anggota Polis di kapal dan juga bot ikan sebagai samaran ataupun decoy boat; dan akhir sekali,
 - (vii) menggunakan bot-bot samaran dalam mengambil tindakan preventif.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah insiden berlaku di Semenanjung Malaysia iaitu insiden perlawanan di antara Polis Marin dengan lanun-lanun di laut? Jikalau tidak ada, apakah kegunaan kelengkapan yang diceritakan oleh Yang Berhormat tadi?
[Ketawa]

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kelengkapan-kelengkapan ataupun senjata-seujata yang digunakan oleh pihak berkuasa bukan semata-mata hendak sangat untuk bertempur atau sengaja hendak ada—kan satu perlawanan. Sebenarnya, senjata atau kelengkapan itu ada.

lah untuk membuat tangkapan dan juga preventif. Kebanyakan "lanun, apabila ternampak Polis Marin sudah dekat, mereka lari. Jadi, Walau kena tembak: matilah. - - Itu - senang! - [Ketawa] tetapi—lanun lanun ini semuanya sudah-banyak .pengalaman. Dia tahu bila nampak Polis dari jauh, dia sudah pergi. Sebab itulah saya sebut kita gunakan bot samaran; macam bot ikan di situ. Jadi, dia tidak lari, tiba-tiba keluar, semua Polis Marin. Itu satu cara.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian bercadang membenarkan nelayan-nelayan kita memperolehi senjata api seperti machine gun untuk menjaga diri? [Ketawa]

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita benarkan sesiapa sahaja pegang machine gun ataupun senjata api, nanti yang lain-lain itu pula jadi perompak! Itu yang kita risau. Tetapi, walau bagaimanapun, pihak.Polis pada dasarnya (in principle) telah meluluskan senjata api tambahan kepada Jabatan Perikanan untuk penguatkuasaan. Saya rasa Pegawai Perikanan lebih sesuai diberi senjata api, dan bukan nelayan. Nanti tertembak sendiri ataupun dia bergaduh, dia tembak kawannya, susah. [Ketawa]

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. .Adakah Kementerian bercadang untuk meminta kerjasama Tentera Laut dan memberikan kuasa juga kepada Tentera Laut untuk menangkap lanun-lanun?

Yang' kedua, adakah lanun-lanun ini terdiri daripada lanun tempatan atau lanun negara jiran? Dan yang ketiganya, adakah tindakan-tindakan yang lebih hebat dilakukan terhadap rompakan oleh lanun-lanun kita di pantai-pantai persisiran di Sabah dan Sarawak?

~~Tuan Ong Ka Ting. Tuan Yang di-Pertua, memang sudah terdapat,~~
kerjasama antara Tentera Laut DiRaja Malaysia dan juga Polis Marin, terutamanya di sempadan... perairan. apabila sesuatu rompakan atau lanun itu berada di sempadan. Kalau sekiranya terdapat kapal Tentera Laut, Polis Marin akan berkoordinasi dengan mereka.

Begitu juga dari segi persetujuan antara negara-negara jiran, kita terpaksa adakan rundingan dari semasa ke semasa. Keutamaan Tentera Laut kita ialah untuk melindungi sempadan dan perairan negara kita daripada serangan ataupun pencerobohan daripada luar. Keutamaan Polis Marin adalah lanun. Jadi, masing-masing ada fungsi tugas yang jelas.

- Pada masa kini pihak Polis Marin sudah ada langkah-langkah ataupun telah memperhebatkan lagi operasi di Sabah dan Sarawak Baru-baru ini satu Batalian Polis Hutan telahpun disusun semula dan dihantar ke Sarawak. Sebahagian besar daripada mereka itu juga ditempatkan di tempat-tempat strategik. Tujuannya adalah untuk melawan lanun ataupun menangkap lanun di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu, terdapat juga rundingan dari masa ke semasa antara Malaysia dengan negara-negara jiran, sebab dengan usaha Malaysia sendiri, kadang-kadang tidak cukup. Kita terpaksa minta bantuan Polis atau tentera daripada negara-negara jiran. Kebanyakan lanun yang terdapat pada masa kini adalah lanun daripada negara jiran. Lanun tempatan adalah kurang.

BUDAYA MEROKOK DI KALANGAN PELAJAR.- LANGKAH MEMBANTERAS.

15. **Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas bagi mengkaji untuk mengatasi penuntut-penuntut sekolah yang makin ramai merokok dan beberapa sekolah mereka berhenti daripada bersekolah ~sedangkan penuntut-penuntut itu -baru dalam -Tingkatan__II.__dan._III_ sahaja.

Dr. Fong Chan Onn : Tuan Yang diPertua, sebuah Jawatankuasa Khas bagi mengkaji dan mengatasi masalah merokok di kalangan pelajar tidak perlu ditubuhkan kerana buat masa ini Kementerian Pendidikan sudahpun mempunyai beberapa peraturan tertentu untuk mengendalinya. Kementerian Pendidikan tidak akan memberhentikan seorang pelajar atas kes merokok sahaja tetapi sekiranya pelajar berkenaan terlibat juga dalam kesalahan-kesalahan lain yang lebih serius, pelajar terbabit akan diberhentikan persekolahannya.

Walau bagaimanapun, sebelum pelajar terbabit diberhentikan sekolah, antara beberapa tindakan yang dijalankan oleh pihak sekolah ialah memberi nasihat, memberi amaran, merotan dan menggantung per—sekolahan. Pelajar berkenaan diberhentikan sekolah jika tindakan seperti yang tersebut tidak memberi kesan. Pada kebiasaannya pelajar yang diberhentikan sekolah diberi peluang untuk membuat rayuan. Lazimnya setelah membuat rayuan, ramai di antara pelajar terbabit diterima semula untuk bersekolah dengan syarat pelajar berkenaan menandatangani surat ikrar akan berubah sikap. Dalam hal ini ibu bapa pelajar terbabit dijemput hadir ke, sekolah bagi menandatangani surat jaminan yang anaknya akan berkelakuan baik.

Tuan Ding Seling:-Terima, .kasih tuan yang di-pertua Soalan tambahan, aaya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada siasatan ataupun ujikaji mengenai. latar belakang budak-budak sekolah yang merokok ini diadakan ataupun dijalankan untuk mengenal pasti apakah sebab-sebabnya selain dari "adventure" mereka merokok.

Dr. Foog Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang ada banyak sebab. Di antara sebab-sebab yang pelajar-pelajar kita merokok ialah pertama dipengaruhi oleh kawan-kawan mereka di luar sekolah dan mereka ingin, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "keeping up with the Joneses" dan sebagainya. Akan tetapi Kementerian Pendidikan seterusnya akan melaksanakan peraturan-peraturan yang cukup supaya kita boleh membina suatu suasana yang sihat dalam sekolah yang dengan sendirinya boleh mempertingkatkan pertahanan diri pelajar— pelajar tersebut supaya mereka tidak akan dipaksakan dengan izin, "keeping up with the Joneses".

Taan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut Yang Berhonnat Timbalan Menteri tadi bahawa penuntut-penuntut kadangkala merokok kerana dipengaruhi oleh keadaan sekeliling kemungkinan oleh ibu bapa ataupun oleh guru-guru. Jadi, adakah Kementerian bercadang supaya calon-calon guru adalah terdiri daripada mereka yang tidak merokok.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam pengambilan kemasukan kemaktab perguruan, Kementerian Pendidikan ada kriteria-kriteria tertentu". Ini termasuklah calon-calon

~~tersebut mempunyai sikap yang sihat dan sebazainva dan Kementerian~~

Pendidikan akan terus memberi nasihat kepada semua" guru-guru, semua guru besar kita- supaya dalam sekolah mereka jangan merokok-- 'Kalau perlu merokok jangan merokok di depan pelajar. Itulah kita nasihat- kansupaya semua guru dan guru besar boleh memberi kepada pelajar-pelajar kita sebagai satu role model yang sihat di mana mereka janganlah dipengaruhi oleh role model yang terbabit dalam kegiatan merokok.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan Nb. 16 hingga 52 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA

YAKG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZIAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kelapan." [26hb Mei, 1993]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menjemput Yang Berhormat Ding Seling menyambung ucapannya, saya ingin mendapat tahu berapa lagikah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membuat ucapan sebab kita ingin minta Menteri-menteri mengulang pada pukul 4.30.

Beberapa orang Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di—Pertua: Tiap-tiap orang seorang sepuluh minit. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Tuan Ding Seling menyambung ucapannya.

3.35 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih Tuan Yang di-pertua kerana memberi saya peluang untuk menyambung ucapan saya. Apabila masa tamat semalam saya telah menyentuh perkara adanya penyelewengan ajaran di golongan orang Kristian juga dan seterusnya saya semalam nyatakan agar pihak Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri berwaspada mengenai kegiatan-kegiatan mereka yang ingin menyesatkan members ataupun ahli-ahli mereka bukan sahaja dari agama Islam tetapi juga dari agama Kristian.

Seterusnya Tuan Yang di-pertua,. saya ingin cadangkan di sini agar pihak Kerajaan mengadakan interaksi dua.hala dengan pihak-pihak yang sah dan sahii dari golongan-golongan seperti gereja ataupun kuil supaya maklumat-maklumat yang tepat dan benar adalah disampaikan kepada pihak atasan supaya jangan ada tuduhan-tuduhan yang tertentu yang menyebabkan ahli-ahli yang baik ataupun tidak menyeleweng dalam gereja ataupun golongan itu dituduh sebagai sama seperti orang yang memberi ajaran yang menyesatkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya memandangkan masa kita singkat, saya ingin sentuhkan beberapa perkara lagi dengan ringkas sahaja. Pertama sekalt saya ingin sebut mengenai Perayaan Kemerdekaan Ketiga Puluh. Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia dari Sarawak saya ingin merakamkan banyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana perayaan kali ini adalah di Sarawak tahun **ini**, Bagi kita di Sarawak inilah satu tandanya kita boleh bekerjasama, berganding bahu dengan rakan-rakan kita di Semenanjung **ini**. Perayaan

~~ini seperti kita sedia maklum adalah satu perayaan yang begitu~~
besar. Jadi, ini juga satu tandanya bahawa rakan-rakan kita di Semenanjung memberi kepercayaan bukan sahaja kepada pemimpin-pemimpin kita tetapi pihak-pihak pegawai-pegawai Kerajaan di Sarawak juga boleh belajar dan bekerjasama untuk menguruskan perayaan ini. Bagi kita juga yang di Sarawak ini bukan semata-mata sebagai satu perayaan sahaja, sebenarnya inilah satu tanda kesyukuran, kita merdeka melalui Malaysia di mana kita bersyukur kerana dapat menikmati kemerdekaan khususnya kemajuan-kemajuan ataupun pembangunan—pembangunan yang telah dicapai oleh kita di Sarawak dalam tahun 30an di bawah era politik pembangunan dan pembangunan manusia sebagai asas pembangunan negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit ringkasnya mengenai pendidikan. Apabila kita merdeka dulu dalam tahun 1963, " kita mempunyai di Sarawak bilangan 67 buah sekolah menengah dan hanya 643 orang sahaja guru-guru sekolah menengah. Ini termasuk sekolah menengah bantuan Kerajaan dan juga swasta.

--Tetapi tahun ini, yaitu awal tahun 1993 ini, "kita sekarang" mempunyai 137 buah sekolah menengah dan lebih kurang 7,000 guru-guru sekolah menengah. Jadi, inilah satu tandanya apa yang saya sebutkan tadi sebagai satu nikmatnya kemerdekaan yang kita alami di Sarawak. Selain dari itu, kalau kita darab atau kira bilangan murid-murid yang telah belajar di sekolah menengah, tentulah kita lihat lebih daripada dua kali, tiga kali ganda dalam tiga tahun yang lain. .

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan kita di Sarawak masih lagi kebelakangan, khususnya pencapaian-pencapaian murid-murid di luar bandar, saya ingin cadangkan di sini untuk perhatian Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan, agar memikirkan dengan lebih serius lagi untuk mengadakan sekolah-sekolah tadika di luar bandar. Adalah benar bahawa sekolah-sekolah tadika di luar bandar memang susah dilaksanakan, khususnya kalau kita fikirkan sekolah tadika diadakan di golongan orang Penan, yaitu satu kaum yang berpindah-randah. Bagaimanapun, saya ingin sarankan juga di sini supaya Kerajaan memikirkan, kalau boleh, kalau perlu, kita yang dari golongan luar bandar di Sarawak itu boleh juga berkonsultasi dengan pihak-pihak yang memikirkan perkara itu, yaitu Kementerian Pendidikan.

seterusnya, saya ingin cadangkan juga memandangkan prestasi budak-budak ataupun murid-murid di sekolah menengah dari luar bandar adalah masih lagi memuaskan. Walaupun lulus, mungkin setakat dapat pangkat B kalau SRP ataupun pangkat 3 kalau SPM dan susah sangat untuk melanjutkan pelajaran seterusnya. Jadi, saya ingin cadangkan juga, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan, adakan lebih banyak sekolah berasrama penuh di tempat-tempat pedalaman di mana sesuai. Kita dari Sarawak juga ingin memberi pandangan mengenai tempat-tempat di mana sekolah itu boleh diadakan, iaitu selain daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, tahun ini merupakan tahun yang bersejarah bagi kita di Sarawak oleh kerana satu universiti, UNIMAS (Universiti Malaysia Sarawak) akan ditubuhkan. Jadi, di sini saya juga sebagai seorang tempatan dari Sarawak mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan, khususnya pihak-pihak Kementerian dan Menteri-menteri yang berkenaan, kerana telah mengambil keputusan untuk memulakan satu universiti. Walaupun 30 tahun kemudian, tetapi kita masih juga berbangga kerana inilah satu-satunya perkembangan yang begitu membanggakan semua orang-orang di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menggulung!

Tuan Ding Seling: Sekejap lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya menyeru di sini, sehubungan dengan universiti, agar tenaga-tenaga tempatan, misalnya dari orang-orang yang berkelayakan Ph.D dari Sarawak boleh diberi peluang untuk bertugas di situ dan

seterusnya orang-orang dari" Muzium Sarawak juga boleh diberi'peluang " " untuk berkonsultasi dengan universiti.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara lagi iaitu jalanraya Dalam tahun 1963, kita mempunyai 1,300 kilometer jalanraya dan tahun ini iaitu 1993, kita mempunyai 7,000 kilometer jalanraya di Sarawak. Tetapi kalau kita bandingkan angka ini, kalau tidak salah saya, di Semenanjung sekarang ada lebih dari 30,000 kilometer jalanraya. Jadi, kalau kita lihat keluasan kawasan Sarawak dan Semenanjung, ianya adalah lebih kurang sama, kecil sedikit sahaja di Sarawak, jadi kita lihat perbezaan ini adalah sangat ketara. Dengan itu, saya ingin menyeru sekali lagi agar pihak-pihak tertentu beri perhatian yang lebih mendalam mengenai pembangunan jalanraya di Sarawak oleh kerana ini adalah satu perkara yang begitu penting. Oleh kerana kalau tidak ada jalanraya, memang pembangunan di luar bandar sukar sekali dibawa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya sekali lagi menyokong Usul untuk menyampaikan junjung kasih dan terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia. Terima kasih. _ '

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar .

3.46 ptg.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk sama-sama

~~membincang Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada 26hb April, 1993.~~

Saya akan meringkaskan seberapa yang boleh dan ini tentulah ia tidak begitu tersusun kerana masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Undang-undang Keluarga Islam yang telahpun ditubuh dan dilaksanakan beberapa lama yang lalu. Berkenaan dengan Undang-undang Keluarga Islam yang telahpun dilaksanakan ini, kita dapati ada rungutan-rungutan daripada wanita-wanita yang terbabit dengan undang-undang ini. Selalunya, keputusan-keputusan yang dibuat didapati tidak memuaskan di pihak wanita sendiri. Kita mempersoalkan adakah undang-undang ini yang tidak lengkap ataupun pihak yang menjalankan seperti kadi-kadi yang melaksanakan perbicaraan-perbicaraan dalam kes—kes yang tertentu? Selalunya, rungutan-rungutan ini kita dengar, tindakan-tindakan begita lembab dan dirasakan memitak di aebelah pihak. Dan wanita merasakan selalunya merekalah yang menjadi mangsa di dalam keputusan-keputusan yang dibuat. Dengan itu, saya ingin menyarankan adakah atau tidak, mungkin kadi-kadi ataupun pihak-pihak- yang menjalankan...undang-undang ini belum bersedia ataupun kurang bersedia untuk melaksanakan undang-undang tersebut? Dengan itu, kita ingin menyarankan agar, kalau boleh, Mahkamah Syariah ini melantik badan-badan juri seperti yang diadakan di Mahkamah-mahkamah Sivil dan bolehlah juga pihak-pihak wanita menganggotai badan juri ini, dan kita harap akan membantu pihak yang menjalankan undang-undang ini dan dapat memberi satu keputusan yang dipandang adil oleh pihak wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan kecuaiian perubatan. Walaupun telah disebut beberapa kali, tetapi saya rasa ingin juga menarik perhatian secara ringkas kerana aspek ini belum disentuh. Kita merasa pihak jururawat-jururawat ataupun doktor-doktor yang bertugas di hospital seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan kelmarin iaitu mereka ini, dengan izin, "overwork", begitu letih dengan kerja "on call"nya dan esok pagi mereka masih lagi bertugas. Dan mungkin kerana inilah berlakunya kecuaiian-kecuaiian yang tidak disengajakan. Jadi kita berharap pihak Kementerian mestilah memberi satu pandangan yang serius kerana kekurangan doktor dan jururawat ini telah diperkatakan bertahun-tahun.. Bukan sahaja di masa sekarang tetapi telah lama, selalu diperbincangkan berkenaan dengan kekurangan jururawat-jururawat dan juga doktor-doktor. Jadi, kita harap dengan pengambilan jururawat dan doktor-doktor dari negara-negara asing, biarlah ia mencukupi dan boleh membantu bukan setakat kita kata mengisi kekosongan tetapi boleh meringankan beban doktor-doktor kita yang bertugas di hospital.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh "berkenaan dengan pelaksanaan Skim SSB di mana telah juga disentuh tetapi seperti yang saya katakan tadi-, di lain aspek. Saya ingin menekankan disini berkenaan dengan pelaksanaan SSB yang telah diterima oleh keseluruhan pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Tetapi apa yang menyedihkannya ialah apabila kita menyarankan untuk mereka ini bekerja ke arah kecemerlangan, terdapat sarabutan begitu baik di kalangan pegawai-pegawai. Tetapi yang menyedihkan ialah begitu ramai pegawai yang sepatutnya menerima kecemerlangan ini, tetapi apabila ada kuota, ia semacam memundurkan ataupun melemahkan semangat pegawai-pegawai untuk menyambut saranan untuk mereka bekerja ke arah kecemerlangan. Kerana, apabila ramai pegawai dan ada kuota, kenaikan pangkat oleh majikan adalah terhad. Apabila kita tengok pegawai-pegawai lain yang dapat kerana pekerja yang begitu kecil, ada yang dapat; pegawai-pegawai yang rasa patut dapat dan juga pegawai yang majikannya rasa patut dapat, tidak dapat menikmati hadiah kecemerlangan yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan.

Saya menyeru agar kuota ini dimansuhkan, longgarkan atau luaskan sedikit agar ramai pegawai-pegawai yang patut, menerimanya dan boleh menikmati apa yang Kerajaan anjurkan. Kita mengucapkan terima kasih dan berbangga kepada para pegawai-pegawai yang menyambut seruan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan kawasan-kawasan industri yang tumbuh di seluruh negara. Ini hanyalah satu rungutan yang dalam tinjauan saya, saya dapati pihak

~~buruh tidak mempunyai satu undang-undang berkenaan dengan dimintanya~~
kewujudan sebuah surau. Kita minta kilang-kilang ini mewujudkan sebuah surau. Ada kilang-kilang yang patuh, tetapi oleh kerana dia tidak menjadi satu undang-undang ataupun satu Akta, ada juga kilang-kilang yang tidak mahu mengadakan surau-sarau untuk pekerja-pekerja Islam. Ini amatlah menyedihkan kerana kita rasa di samping mereka mencari rezeki, mereka juga patut diberi peluang untuk beramal ibadah di dalam agama masing-masing. Oleh kerana Islam menjadi agama rasmi, kita rasa mananglah patut dan mestilah dipatuhi oleh pihak kilang-kilang ini.

Tuan Yang di—Pertua: 2 minit lagi, Yang Berhormat

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya sentuhkan iaitu berkenaan dengan Projek Ikhtiar yang diselenggarakan di seluruh negara. Memang pihak orang-orang miskin menyambut baik berkenaan dengan projek ini dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan. Tetapi ada juga orang-orang miskin kita yang menangis tidak berlagu. Ini adalah kerana disebabkan oleh apabila sampai kepada peringkat pelaksanaan, kawasan-kawaaan tertentu dikenalpasti sebagai kawasan miskin yang patut menerima bantuan-bantuan daripada Projek Ikhtiar ini. Tetapi apa yang kita rasa di merata-rata tempat ada orang-orang miskin. Jadi, kalau kita kenalpastikan satu kawasan, kawasan itu sahajalah yang menerima bermacam-macam bantuan. Anak ayam dia dapat, anak lembu dia dapat, bantuan rumah dia dapat, di kawasan itu sahaja. Bagi orang-orang miskin yang lain hanya dapat memandang dari jauh.

Jadi, kita menyarankan agar cara mengenalpasti kawasan-kawasan tertentu, dihentikan, tetapi di sebaliknya membuka peluang kepada semua pihak dan mereka boleh memohon walau di mana dia berada, di dalam bandar ataupun di luar bandar. Kerana, kemiskinan adalah raenjadi hasrat Kerajaan untuk kita membasmikannya seberapa yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil rnsa yang panjang dan dengan kata itu, saya menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba dengan ucapan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad.

3.54 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Saudara Rahim Baba dengan ucapan-ucapan yang pendek.

Yang pertama sekali, aaya memohon supaya Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dapat mempercepatkan kamasukan telefon ke Hutan Perca, satu kawasan yang telah diminta aelama dua tahun yang ialu iaitu kawasan FELDA Hutan Ferca.

Kemudian, yang kedua, saya memohon supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga Hal Ehwal Agama Islam untuk melihat dan mengkaji semula Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak yang dibuat oleh seluruh Kerajaan-kerajaan Negeri ini yang kita dapati bahawa bertentangan dengan hukum Syarak. Jadi, oleh sebab Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak yang dibuat oleh seluruh. Majlis majlis Agama Islam dalam Malaysia ini, bertentangan dengan hukum Syarak terutamanya dalant bidang kekeluargaan. Akibat daripada longgarnya atau tidak mengikut kehendak-kehendak Allah S.W.T., maka kekeluargaan dalam

Islam sekarang tercabar terutama mengenai perkahwinan. Setiap orang sama ada anak gadis yang ingin berkahwin dengan seorang laki-laki, begitu seksa dan azab sengsara.

Baru tadi, saya mendapat panggilan telefon daripada kampung laya. Seorang yang sedang bercinta, begitu kasihan; dia hendak berkahwin tetapi kerana ibu bapanya menahan perkahwiaan itu kerana tidak berkenan kerana ianya seorang laki-laki yang miskin. Apabila saya bertanya dengan Dato' Mufti, saya dapati bahawa perkahwinan itu mungkin ditangguh sehingga setahun, mengikuti proses hukum Syarak. Sedangkan Pentadbiran Hukum Syarak boleh menggunakan kuasa Wali Hakim dan menpernikahkan lelaki itu dengan perenpuan yang sedang bercinta.

Kemudian Kementerian Pertahanan. Kita melihat bahawa tentera kita yang dihantar keCambodia, kadang-kadang hampir nyawanya terancam kerana akibat serangan daripada pengganas Khmer Rouge. Jadi, saya meminta supaya Kementerian Pertahanan mengkaji semula ketahanan dan kekuatan tentera kita di Cambodia. Kalau perlu, membekalkan senjata-senjata yang lebih berat dan anggota tentera yang lebih ramai supaya dapat mengamankan negara itu dengan serta-merta dan mengharumkan nama Malaysia seperti tentera Malaysia yang dihantar di Kongo.

Kepada Kementerian Luar Negeri saya meminta supaya segera menyelesaikan masalah sempadan Thailand dengan Malaysia kerana peristiwa pencerobohan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kastam di Thailand, di sempadan pekan ladang Besar, Perlis baru-baru ini, hampir menjadikan pertempuran darah antara rakyat Malaysia dengan Thailand.

Kemudian, saya juga melihat bahawa akhir-akhir ini ramai pemimpin-pemimpin dunia datang ke Malaysia, sama ada Perdana Menterinya, Presidennya dan Menteri-Menteri dari luar negeri. Mereka sentiasa berbincang dengan Menteri-menteri kita menggunakan bahasa mereka sendiri, sama ada Menteri-menteri itu daripada Barat, Eropah dan Asia, seperti China, Jepun, Perancis dan lain-Lain yang datang ke sini menggunakan bahasa mereka sendiri dalam perbincangan. Mereka membawa jurubahasanya sendiri untuk menterjemahkan kepada Menteri-menteri kita. Kemudian, Menteri-menteri kita sentiasa bercakap Inggeris, kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa pemimpin negara yang datang. Pemimpin negara yang datang itu mendengar terjemahan dalam bahasanya, kemudian membalas perbincangan itu dalam bahasa mereka sendiri. Ini peristiwa yang sangat memalukan.

Saya dapat melihat bahawa perbincangan pemimpin-pemimpin negara China sewaktu datang ke Melaka membawa Perdana Menteri China yang membekalkan di belakangnya 24 pegawai yang boleh berbahasa Malaysia, kerana Perdana Menteri itu tidak berapa fasih bahasa Malayaia, jadi wakil-wakil kita semua bercakap dalam bahasa Inggeris, diterjemahkan pula dalam bahasa Melayu - orang yang datang daripada Negara China itu pula terjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Kemudian diterjemahkan pula balik ke dalam bahasa Cina. Jadi, dia bertanya kepada saya, kenapa Kerajaan kita menggunakan bahasa Inggeris? Kalau Kerajaan ini tadi berunding dengan kita dalam bahasa Melayu, senang sahaja menterjemahkan kepada Perdana Menteri ini dalam bahasa Cina. Inilah

penyeksan daripada kita dibuat oleh Menteri-menteri kita. Lebih baiklah Menteri yang hendak datang daripada luar negeri bila hendak berunding dengan kita, beritahu rombongan itu bahawa kita akan bercakap dalam Bahasa Malaysia, bawa pegawai yang tahu Bahasa Malaysia untuk ditejemahkan kepada bahasa Perancis misalannya. Jadi, orang-orang yang datang daripada luar negeri memandang hina kepada kita menggunakan bahasa Inggeris, kerana dalam dunia ini bukan semua orang suka bahasa Inggeris. Jerman paling menyampah bila orang bercakap bahasa Inggeris. Perancis langsung tidak boleh dapat makan bagi siapa yang bercakap bahasa Inggeris. Pergilah ke Perancis sekarang. Tetapi kalau kita bercakap dalam Bahasa Melayu, orang hormat kita, kerana negara kita ini sudah merdeka, menggunakan Bahasa Melayu. Bahasa Malaysia menjadi Bahasa Kebangsaan/rasmi yang tunggal.

Jadi, walaupun saya diberi 10 minit, tetapi saya memendekkan masa kerana menghormati Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya pada petang ini. Saya dengan ini menyokong penuh Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat: Saudara Rahim Baba dalam Dewan **ini**. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam.

4,03 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasmanickam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di Dewan ini .

Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan negara-negara jiran sama ada dekat atau jauh, Malaysia adalah, dengau izin, 'a land of milk and honey'. Dari segi politik, ekonomi dan sosial, kemajuan dan kestabilan yang dicapai setakat ini adalah mengkagumkan. Kita sentiasa bersyukur kepada Tuhan atas berkat dan rahmatnya. Pencapaian yang dibanggakan ini adalah hasil daripada perancangan yang pragmatik dan kerjasama dari rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Pada masa sekarang kita sedang bersedia melangkah ke abad 21. Bidang perindustrian diberi keutamaan.

Di sini saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada pekerja-pekerja kilang. Ramai wanita yang terlibat dalam kilang elektronik. Mereka ini bekerja di peringkat rendah dan mendapat gaji yang rendah juga. Kebanyakan wanita ini tidak mempunyai pelajaran formal yang tinggi dan kemajuan. kumpulan pekerja ini sepatutnya diberi perhatian. Saya cadangkan supaya kelab kebajikan pekerja kilang elektronik ini ditubuhkan. Pekerja-pekerja ini juga harus diberi latihan kemahiran selepas masa bekerja. Majikan boleh menganjurkan kursus motivasi dan dengan izin, 'self-development programme' untuk mempertingkatkan kemahiran teknikal wanita yang berkenaan. dan seterusnya dapat menambahkan pendapatan mereka. Kementerian Sumber Manusia boleh menggalakkan majikan menjalankan latihan-latihan seperti ini. Saya juga cadangkan supaya firma-firma yang mengamalkan program latihan untuk pekerja-pekerja mereka diberi insentif dari segi kewangan. Mungkin majikan-majikan ini diberi pengecualian cukai yang berpatutan dengan perbelanjaan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan boleh memainkan peranan yang penting untuk mempertingkatkan kemajuan bidang perindustrian. Saya mencadangkan supaya langkah-langkah diambil untuk mengenalpasti kemahiran yang perlu dan sesuai untuk mencapai objektif kita.

Pelajar-pelajar yang berminat dalam bidang teknikal dan vokasional perlu diberi panduan supaya mengikuti matapelajaran berkenaan oleh guru-guru Kelab Bimbingan dan Kerjaya di peringkat sekolah. Saya juga hendak cadangkan supaya menambahkan bilangan sekolah-sekolah vokasional dan teknikal di negara ini. Tetapi, oleh kerana Kementerian Pendidikan menghadapi masalah peruntukan, Kerajaan harus memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan dari institusi-institusi swasta yang menawarkan kursus-kursus dan latihan teknik yang bersesuaian dengan keperluan perindustrian dan pemasaran pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, 16hb September adalah diisytiharkan sebagai Hari Perpaduan. Saya sangat setuju dalam perkara ini. Kepentingan perpaduan dan muhibah tidak boleh dinafikan, khususnya di negara yang berbilang kaum ini. Pada pendapat saya ada tiga bidang di mana kita perlu berusaha. Yang pertama ialah dari segi pendidikan. Kementerian Pendidikan perlu mewujudkan perasaan muhibah dan perpaduan dari peringkat pra sekolah hingga institusi-institusi pengajian tinggi. Pada masa sekarang terdapat sekolah-sekolah rendah di mana pelajar-pelajar terdiri dari satu kaum sahaja. Sekolah-sekolah ini bertempat di kawasan kampung dan ladang-ladang. Pelajar-pelajar ini tidak dapat peluang untuk berjumpa dan bergaul dengan pelajar-pelajar kaum lain walaupun mereka semua adalah warganegara Malaysia. Mereka belajar tentang adat

resam kaum-kaum lain melalui buku-buku teks sahaja "dan mereka tidak pernah melibatkan diri atau menyaksikan perayaan dan acara-acara kebudayaan lain. Kaadaan ini membangkitkan prasangka dan perasaan ketakutan. Saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya mengatitkan aktiviti-aktiviti antara sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan, dengan tujuan untuk memberi peluang untuk bergaul antara satu sama lain, bertukar pendapat dan faham-memahami adat resam berbagai kaum di negara ini.

Di sini saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan yang baru sahaja melancarkan satu rancangan melalui Radio Ibukota, iaitu 'Belajar Bahasa Tamil dan Kantonis', setiap hari mulai Isnin hingga Jumaat, dari jam 12.00 hingga 1.00 tengahari, dan rancangan ini dikendalikan oleh Encik Sazali dan Puan Prema. Syabas juga perlu diucapkan kepada TV Malaysia kerana menayangkan 'filmlet'¹ yang menggambarkan semangat kejiranan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah bidang perumahan. Pada masa kini perkembangan pesat perindustrian menyebabkan penghijrahan dari luar bandar ke kawasan perindustrian.. Ini telah mengakibatkan pertumbuhan kawasan setinggan seperti cendawan. Apa yang lebih merunsingkan ialah kawasan-kawasan setinggan. iai menjadi koloni perkauman.

Saya mengesyorkan kepada K.ementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menyediakan lebih banyak lagi rancangan perumahan kos rendah di kawasan perindustrian untuk mengacasi 'trend' yang negatif ini,

Saya juga di sini ingin tahu berkenaan dengan status sistem Rukun Tetangga.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga berkenaan bidang pekerjaan, khususnya di sektor perindustrian. Usaha hendaklah dipergiatkan untuk mengadakan banyak lagi aktiviti sosial bagi mengeratkan lagi perhubungan kaum di kalangan pekerja kilang.

Di samping kegiatan kesukanan, majikan boleh menyediakan bilik bacaan dan menganjurkan kegiatan-kegiatan lain. Bilik bacaan ini mestilah mengandungi bahan-bahan bacaan ringati.

Saya yakin bahawa 'sistem unik' yang Kerajaan kita mengamalkan setakat ini dapat diteruskan untuk mengekalkan perpaduan negara.

Dengan **ini**, saya menyokong Usul atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang.

4.11 **ptg.**

Tuan Ho Cheng Wang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di sini saya ada lapan perkara, tetapi oleh sebab masa yang tidak mencukupi, saya akan memendekkan sehingga dua perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong, Baginda telah menegaskan atau menyifatkan bahawa keadaan keselamatan negara adalah terkawal. Ekonomi negara bertambah baik hasil sumbangan semua pihak termasuk Pasukaa Keselamatan dan anggota perkhidmatan Kerajaan.

Berkaitan dengan hal keselamatan negara, saya sangat bersetuju dengan pandangan atau pendapat Yang Berhormat Tuan Rahim bin. Baba bahawa negara kita yang kecil dan aman tetapi tidak bersedia untuk berperar.g dengan sesiapaupun. Tetapi melalui sejarah-sejarah dan insiden-insiden yang telah berlaku, menasihatkan kami atau mengajar kami bahawa sebuah negara yang kecil tanpa ketenteraan yang kuat atau kelengkapan senjata berat, selalu diserang, selalu diancam oleh negara-negara yang kuat ketenteraannya atau bersenjata lengkap. Contohnya seperti negeri Kuwait telah diserang, ditakluk dan dikuasai oleh Iraq. Afghaniстан pula diserang dan ditakluk oleh Russia dan sebagainya.

Tuan. Yang di-Pertua, jikalau dibandingkan dengan peralatan-peralatan senjata berat, dengan jiran kita seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, kita mesti mengaku dan bersetuju bahawa kelengkapan ketenteraan dan senjata-senjata berat kita sangat terkebelakang.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Singapura kita dapati lebuh raya mereka dilengkapi dengan landasan jet pejuang atau pesawat pejuang yang boleh turun atau berhenti di atas lebuh raya. Inilah yang dikatakan kelengkapan senjata berat di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita tidak lupa beberapa insiden telah berlaku, beberapa pencerobohan. telah berlaku di sempadan tanahair kita iaitu Malaysia/Thailand. Kalau askar dari Singapura masuk ke tanahair kita seperti di Johor dan jikalau saya tidak lupa lagi sebuah jet atau pesawat pejuang yang terhempas (terjatuh) di sempadan Pahang/Johor beberapa tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai askar atau tentera Singapura tersalah masuk ke sempadan atau tanahair kita di Johor. Walaupun insiden ini Kerajaan Singapura sudah mengemukakan maaf atau meminta maaf kepada kita, tetapi saya ingin mengingatkan Kementerian Pertahanan, janganlah kita ingat ini satu perkara atau satu hal yang kecil janganlah kita ingat mudah begini.

Pada pendapat saya atau pandangan saya, saya berasa hal ini ada motif di belakangnya. Ini saya menegaskan pandangan saya sendiri. Ada motif di belakang dan insiden ini adalah untuk mencuba kewaspadaan sistem pertahanan ketenteraan kita, dengan izin, Tuan Yang di-Pertuan they are testing our defence awareness system.

Tuan Yang di-Pertua, kes jet pejuang yang terhempas atau terjatuh di negara kita mungkin ini adalah satu kemalangan udara. Memang isu ini tidak bermotif tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa mengapa selepas insiden jet pejuang ini terhempas di tanahair kita, kita memberi kebenaran kepada helikopter jiran kita untuk membawa balik juruterbangnya.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita mempersoalkan Kementerian mengapa kita membuat begini? Kementerian memberi penjelasan bahawa: 'Oh, ini kita sudah memberi kebenaran kepada negeri jiran kita untuk mengambil balik juruterbangnya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, selepas juruterbangnya diambil balik oleh helikopter Singapura, Kementerian Pertahanan atau Kerajaan kita langsung tidak tahu kes atau insiden ini - langsung tidak tahu kes ini. Ini adalah membuktikan dan menunjukkan satu kelemahan sistem pertahanan ketenteraan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa pihak pertahanan kita mengetahui di sini hanya selepas juruterbangnya dibawa balik sahaja. Saya rasa ini adalah satu perkara yang memalukan kepada Kerajaan kita, tetapi ini membuktikan kelemahan sistem pertahanan kita.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, kita mestilah memberi kehormatan dan penghargaan kepada Kementerian Pertahanan yang mana berusaha untuk melengkapkan peralatan atau alat-alat ketenteraan

yang baik atau mewujudkan sistem pertahanan yang lebih baik dan cekap.

Saya juga merayu dan berharap supaya Kementerian Pertahanan berusaha untuk menambahkan bukan sahaja jumlah askar-askar atau tentera negara kita, tetapi untuk melengkapkan peralatan-peralatan atau senjata-senjata berat, yang maju, yang berteknologi, tinggi, yang tajam, yang canggih sekali untuk masa yang akan datang. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita membeli alat-alat senjata ketenteraan yang second-hand, dengan izin. Jikalau kita menghadapi masalah kewangan, kita boleh membeli sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ada beberapa perkara lagi, tetapi saya ingin menamatkan ucapan saya di sini oleh kerana masa tidak mencukupi. Saya ada sedikit permintaan berkaitan dengan Mesyuarat Dewan Negara kita.

Selalu kita menghadapi masa yang tidak mencukupi. Saya haraplah, Tuan Yang di-Pertua, sebagai ketua yang mewakili Dewan yang mulia ini silalah mengadakan hari mesyuarat yang lebih banyak lagi. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, dapatlah memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan bangsa Melayu, berilah lebih peluang kepada bangsa bukan Melayu, untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini. Ini adalah disebabkan untuk menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dari bukan bangsa Melayu dan menggalakkan mereka ini bukan sahaja mengambil bahagian, tetapi disebabkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dari bukan bangsa Melayu mereka mesti menyediakan kertas kerja selama sehari atau dua hari dan.....

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' ya!

Dato' Azumu bin Tak: ... mohon penjelasan. Adakah sahabat saya Tuan Ho Cheng Wang berpendapat bahawa masa yang diberikan untuk sahabat-sahabat kita yang bukan Melayu itu kurang sangat, jika dibandingkan dengan sahabat-sahabat Melayu?

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud begitu, tetapi saya minta kepada Tuan. Yang di-Pertua memberi tambahan masa lebih sedikit, disebabkan kefasihan kami bukan seperti Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, bukan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, bukan seperti Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, mereka berdiri di sini boleh berbincang, berucap dan bercakap selama 2-3 jam, kami tidak boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hari yang pertama tidak ramai ahli-ahli yang hendak berucap, itu sebabnya saya beri peluang yang luas sedikit. Tetapi pada hari ini baru sahaja Yang Berhormat minta, itulah sebabnya terhad sedikit.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berdiri 10 kali untuk mengambil peluang membahas dalam Titah Ucapan **ini**.

Akhir sekali, saya menyokong penuh atas Titah Ucapan ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Neo Tuan Cheng,,
4.21 ptg.

Tuan Neo Tuan Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan. Yang di-Pertua, dalam usaha negara kita untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, kita memerlukan ramai teknokrat, profesional, pekerja-pekerja yang mahir dan lain-lain sumber manusia yang **berkebolehan** dan berkualiti. Maka rakyat jelata daripada semua lapisan masyarakat patutlah melibatkan **diri** mereka dan memberikan sumbangan mereka secara berkesan dan secara optimum.

Bagi Kerajaan pula, rancangan-rancangan berkaitan dengan pendidikan, latihan dan penyelidikan patutlah diberi secara teratur dan dengan kadar secepat mungkin. Janganlah sampai kita kena merancang dan menunggu selama 10 tahun untuk sebuah sekolah menengah vokesyenal dan kini masih belum dapat ditubuhkan. Contohnya, Sekolah Menengah Vokesional di Pontian, Johor. Kita mahu supaya semua rakyat,terutamanya generasi muda kita memberikan perkhidmatan dan sumbangan yang diperlukan untuk pembangunan dan kemajuan negara, sama ada mereka berada di bangku sekolah mahupun

yang berkhidmat dengan Kerajaan ataupun swasta. Rakyat jelata daripada semua lapisan masyarakat yang boleh menyumbang untuk pembangunan dan kemajuan negara patutlah diberikan kesempatan untuk menyumbang.

Sehubungan dengan ini, adalah perlu bagi Kerajaan kita lebih tegaskan dan lebih mementingkan kualiti dan produktiviti. Pemilihan kenaikan pangkat, kenaikan gaji mestilah mengikut merit ataupun pencapaian dan prestasi. Golongan yang kurang cekap atau golongan yang kurang bernasib baik patutlah diberikan galakan dan bantuan dalam segi latihan dengan tujuan bahawa mereka akan menunjukkan pencapaian dan prestasi yang sama baik untuk mendapat pemulangan yang sama dengan golongan yang lain. Ini akan memberi dorongan kepada semua rakyat untuk bekerja dengan lebih gigih dan lebih kuat untuk memastikan bahawa negara kita boleh bersaing dengan negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai keselamatan negara. Oleh kerana masa kini ramai pemuda kita yang berkecenderungan kurang berminat ataupun enggan menyertai pasukan Polis ataupun Tentera, saya ingin mencadangkan supaya negara kita lebih menegaskan kualiti kepada kuantiti. Biarlah kita mengurangkan pengambilan, akan tetapi mereka yang diambil mestilah diberikan latihan yang rapi dan diberikan senjata dan peralatan yang canggih dan termoden. Skim gaji yang ditawarkan pula biarlah lebih lumayan dan lebih menarik daripada skim gaji sekarang. Sementara itu semua pemuda kita diwajibkan menjalani latihan tentera yang asas untuk mempertahankan negara kita sekiranya keadaan memerlukannya. Di

samping itu dapat kita memupuk semangat kenegaraan dan semangat cintaikan tanah air di kalangan rakyat jelata.

Sekian sahaja, saya menyokong Usul menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri daripada Kementerian Pendidikan untuk menjawab.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Pong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan DiRaja serta mengemukakan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan, Seterusnya saya ingin memberi jawapan dan penjelasan kepada pandangan-pandangan dan teguran-teguran tersebut.

Yang Berhormat Senator Rahim Saba, Yang Berhormat Senator Hajah Rahaiah Baheran serta Yang Berhormat Senator Ghazali Embong telah menimbulkan pertanyaan berhubung dengan laporan mengenai sikap negatif pelajar Melayu dalam pembelajaran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor tidaklah boleh dijadikan satu ukuran terhadap sikap pelajar Melayu kerana pendapatnya tidak mencerminkan keseluruhan sikap pelajar Melayu di negara ini. Ini kerana bilangan pelajar yang terlibat di dalam kajian tersebut adalah terlalu kecil berbanding dengan enrolment pelajar di seluruh negara. Pandangan yang dikemukakan juga hanya terhad kepada negeri yang berkenaan sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan

memang memandang serius berhubung dengan perkara ini dan kajian yang lebih lanjut akan dijalankan untuk mengatasi masalah ini,

Yang Berhormat Senator Ghazali Embong juga mencadangkan supaya "Kempen Menabung" di kalangan pelajar di adakan di sekolah, Sebenarnya, pada ketika ini Kementerian Pendidikan memang ada menjalankan "Kempen Menabung" tersebut di kalangan pelajar dengan kerjasama beberapa buah institusi kewangan di negara ini. Antara skim menabung yang sedang dijalankan kini adalah Skim Hadiah Galakan Sekolah Malaysia, anjuran Lembaga Urusan Tabung Haji; Skim Galakan Simpanan Pelajaran Sekolah, anjuran Bank Simpanan Nasional; Akaun Remaja dan Akaun Saham Belajar, anjuran Amanah Saham Nasional Bumi-putera dan Skim Patriotik Muda dan Patriotik Remaja, anjuran Bank Pertanian.

Adalah tidak benar untuk menyatakan sistem kuota telah menyebabkan pelajar Melayu tidak mampu bersaing dengan pelajar bukan Melayu di universiti sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Rahim Baba. Kemasukan ke universiti-universiti tempatan dibuat berdasarkan kepada kecemerlangan akademik dan suma pelajar berusaha sebaik mungkin untuk mempertingkatkan prestasi mereka dalam peperiksaan tanpa mengira kaum. Oleh itu tidak timbul persoalan pelajar-pelajar Melayu tidak mahu bersaing dengan pelajar bukan Melayu.

Yang Berhormat juga telah menyarankan supaya Kerajaan menimbang semula ura-ura untuk mengambilalih pendidikan pra sekolah. Buat masa ini Kementerian Pendidikan tidak akan menambah program pendidikan pra sekolahnya dari 1,131 kelas yang sedia ada.

Kelas-kelas baru akan diuruskan oleh KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara. Kementerian ini akan menyediakan garis panduan kurikulum pra-sekolah, semua TADIKA dan pusat pra-sekolah digalakkan menggunakannya. Garis panduan tersebut boleh dijadikan rujukan kepada guru-guru di pusat pra-sekolah bagi mempertingkatkan lagi mutu pendidikan di peringkat tersebut.

Berhubung dengan pemberian biasiswa dan pinjaman kepada pelajar, Kementerian Pendidikan mempunyai kriteria tertentu dalam mengendalikannya. Semua biasiswa diberikan berdasarkan keperluan negara dan permintaan terhadap bidang pengajian tersebut. Pencapaian akademik serta kegiatan ko-kurikulum pelajar, latar belakang kewangan keluarga dan kesesuaian serta pencapaian calon semasa ditemuduga adalah di antara faktor yang akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keberkesanan kurikulum yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong, ingin saya jelaskan di sini, bahawa adalah satu matlamat KBSR dan KBSM untuk membentuk akhlak yang mulia di kalangan pelajar. Penerapan nilai-nilai murni dalam kurikulum dan ko-kurikulum, sebenarnya telah dapat membentuk akhlak yang mulia di kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, usaha tersebut sudah sewajarnya dipikul bersama bukan sahaja oleh pihak sekolah semata-mata tetapi juga oleh para ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya.

Mengenai peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah pula, sememangnya menjadi tanggungjawab guru-guru tersebut memberi keyakinan dan kepercayaan serta membentuk dan meningkatkan disiplin di kalangan pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa menggalakkan semua sekolah mengadakan Kejohanan Olahraga Tahunan sebagai satu cara untuk mengawal dan mempertingkatkan disiplin serta menanam semangat kepimpinan di kalangan pelajar. Bagi sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan untuk menjalankan kegiatan tersebut, sekolah-sekolah berkenaan digalakkan untuk menggunakan kemudahan padang di sekolah lain atau tempat-tempat awam yang berhampiran.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat, supaya pihak sekolah meminta Polis memberi ceramah kepada para pelajar, sebenarnya perkara tersebut telahpun dilakukan. Kementerian Pendidikan sentiasa menggalakkan pihak sekolah menjemput pihak-pihak luar yang berkenaan seperti Polis, PEMADAM dan Biro Tata Negara memberi ceramah dengan tujuan untuk mempertingkatkan disiplin di kalangan pelajar,

Berhubung dengan cadangan untuk membina lebih banyak universiti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tiong Thai King, Kementerian Pendidikan berpendapat institusi pengajian tinggi tempatan yang sedia ada dan penubuhan universiti kelapan di Sarawak, berupaya untuk melatih tenaga profesional yang berkeupayaan tinggi bagi menghadapi cabaran Wawasan 2020.

Di samping **itu**, semua **institusi** pengajian tinggi tempatan menambahkan bilangan. kemasukan pelajar setiap tahun untuk melahirkan lebih banyak graduan yang diperlukan oleh negara melalui pembesaran. kampus-kampus induk, fakulti dan jabatan-jabatan yang sedia ada serta mewujudkan kursus-kursus baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Puan. Sri Sarasa Pasamanickam tentang cadangan beliau mengenai mengadakan lebih banyak kegiatan-kegiatan. untuk melibatkan perhubungan di antara Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dengan. Sekolah-sekolah Kebangsaan. Kementerian Pendidikan mengalu-alukan cadangan tersebut dan Kementerian akan mengambil kira cadangan tersebut dan akan merancang program-program untuk melaksanakannya,

Tentang cadangan Yang Berhormat Puan Sri Sarasa juga supaya menasihatkan institusi swasta diberi peluang untuk melatih pelajar-pelajar di bidang teknik dan vokasional, memang itulah hasrat Kementerian Pendidikan apabila kita memberi kelulusan atau kebenaran kepada pihak swasta untuk menubuhkan institusi-institusi tersebut. Itu adalah satu bidang yang Kementerian Pendidikan memberi keutamaan dalam usaha kita memperbanyakkan atau memperluaskan peluang di bidang vokasional dan teknik.

[Timbalan. Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Neo Tuan Cheng mengenai Sekolah Menengah Vokasional di Pontian, Kementerian Pendidikan akan seterusnya mengkaji semula projek tersebut dan memang kita ada rancangan supaya sekolah menengah tersebut boleh seterusnya dibina secepat mungkin. Di sini, saya ingin menegaskan

bahawa ada beberapa pemimpin dari kawasan Pontian termasuklah Wakil Rakyatnya yang telah selalunya membangkitkan perkara ini dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian kita akan memberi perhatian, memberi keutamaan supaya projek itu boleh dilaksanakan secepat mungkin selaras dengan peruntukan Kementerian.

Setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program ini dan sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Silakan!

4.37 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan selain daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Undang-undang dan juga Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Titah DiRaja yang juga telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor terhadap tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Azumu bin Tak telah membuat teguran mengenai pakaian Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat semasa menghadiri Majlis Perasmian Persidangan Parlimen baru-baru ini.

Sukalah saya nyatakan bahawa kedua-dua Timbalan. Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidaklah diwajibkan untuk memakai pakaian istiadat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat semasa upacara tersebut. Adalah dianggap memadai jika mereka mengenakan pakaian seperti tetamu-tetamu yang lain.

Berhubung dengan pakaian Tetamu-tetamu Kehormat yang bergelar, yang tidak memakai pakaian istiadat, adalah menjadi tanggungjawab tetamu berkenaan untuk memakai pakaian. sepertimana yang dinyatakan dalam kad jemputan.

Yang Berhormat Senator Saidin bin Mohamad telah menimbulkan persoalan mengenai kumpulan Al-Arqam, Tabligh dan Syiah.

Mengenai ketiga-tiga kumpulan ini, Kerajaan telah menjelaskan pendapatnya. Walau bagaimanapun, ingin saya ulangi sekali lagi bahawa kumpulan Al-Arqam adalah kumpulan yang mengamalkan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebagaimana yang telah difatwakan oleh Pihak Berkuasa Agama, Berbagai usaha sedang dibuat untuk membendung kumpulan dan pengikut-pengikutnya. Mengenai jemaah Tabligh, Pihak Berkuasa Agama negara ini senantiasa mendampingi mereka supaya perjalanan yang dibawa sesuai dengan ajaran Islam dan tatacara hidup yang sesuai dengan masyarakat Islam di negara ini. Mengenai kumpulan Syiah, Kerajaan sudahpun memberitahu orang ramai bahawa pegangan dan fahaman Syiah adalah tidak selari dengan pegangan ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi ikutan rakyat negara ini sebagaimana yang termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam,

Oleh yang demikian, rakyat dinasihatkan supaya menjauhkan diri daripada fahaman ini agar mereka terhindar daripada perpecahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, berhubung dengan pegangan pengikut-pengikut Al-Arqam. Pada hemat saya, mereka ini adalah kumpulan yang tersisih daripada 'mainstream', ajaran Islam yang sebenarnya. Kerajaan sememangnya memberi peluang kepada mereka untuk kembali kepada ajaran. Sunnah Wal Jamaah yang sebenarnya dan penerangan-penerangan yang sepatutnya diberikan kepada mereka. Pada hemat Kerajaan, seorang pemimpin yang mengaku dirinya berhubung terus dengan Allah S.W.T, merupakan pemimpin yang cuba melebihi dirinya daripada Nabi-nabi dan. tidak patut diikuti oleh sesiapa yang beriman dengan ikhlas kepada Allah S.W.T. Pihak Kerajaan sememangnya memberi pandangan yang serius mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha binti Hussin supaya guru-guru agama atau pendakwah sentiasa ditambah dan diberi kesempatan kepada mereka yang tamat perkhidmatan bagi meneruskan kegiatan dakwah, Kerajaan sudahpun mengambil langkah-langkah sewajarnya. Mereka diberi berbagai latihan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan juga diberi peluang untuk membuat lawatan-lawatan ke negara-negara tertentu bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka.

Manakala mereka yang sudah meningkat umur persaraan, jika layak dan berkebolehan, mereka boleh dipilih bagi berkhidmat semula secara kontrak sebagai pendakwah dengan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha binti Hussin berhubung dengan Majlis Agama Islam Kelantan dan lain-lain negeri yang dianggap mempunyai kekebalan, suka saya maklumkan bahawa perkara ini sedang dikaji dan diselaraskan oleh Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Terdapatnya perbezaan ini adalah kerana hal-ehwal agama adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri dan sekiranya amat Islam benar-benar hendak mencerminkan kasatuan, maka sikap menonjolkan kekebalan sesuatu pihak itu hendaklah dikurangkan,

Berhubung dengan pergerakan dakwah Islamiah, Kerajaan sentiasa mempertingkatkan tahap pendakwaan dari masa ke semasa dengan memberi latihan dan pendedahan kepada pendakwah-pendakwah ke seluruh negara. Malah, di samping itu, Kerajaan itu sentiasa memberi peluang kepada pakar-pakar institusi pengajian tinggi yang berkebolehan dan berkesanggupan berkecimpung di dalam bidang ini. Ini adalah untuk mengelakkan keraguan masyarakat terhadap kebolehan pendakwah dalam negara ini,

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Salam bin. Awang menyarankan supaya Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri merangka strategi ekonomi yang positif bagi menyahut usaha-usaha Kerajaan dalam melibatkan diri dalam perkembangan aktiviti ekonomi

di rantau Asia Timur. Mengenai perkara ini, ingin saya jelaskan bahawa perkembangan ekonomi rantau Asia Timur sememangnya menarik minat semua negara Asia Pasifik termasuk Malaysia. Perkembangan ini boleh dimanfaatkan oleh Malaysia melalui strategi-strategi yang telah dibentuk di dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang merangkumi strategi-strategi untuk meningkatkan produktiviti dan daya-asing Malaysia di peringkat antarabangsa supaya Malaysia dapat mengambil faedah melalui peningkatan. eksport barangan dan. perkhidmatan ke negara-negara ini.

Strategi-strategi tersebut bukan sahaja dapat memastikan sektor swasta kita dapat bersaing di Asia Timur tetapi juga di peringkat antarabangsa. Perancangan Ekonomi Negara yang digubal setakat ini, sememangnya mengambil-kira perkembangan ekonomi di dalam negeri serta perkembangan ekonomi rantau lain seperti Amerika, Eropah dan Asia Pasifik supaya kita dapat mengambil langkah-langkah positif ke arah memperkembangkan eksport negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz juga telah membangkitkan isu tentang rasuah moral dan penyalahgunaan kuasa oleh Ketua Menteri Sabah yang menaikkan gaji Menteri-menteri Sabah sebagai umpan untuk menarik Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari parti USNO supaya memasuki Kerajaan Sabah bagi mewujudkan sebuah Kerajaan campuran dan meminta supaya Badan Pencegah Rasuah menyiasat perkara ini. Ingin saya jelaskan bahawa rasuah moral dan penyalahgunaan kuasa dalam konteks yang dibangkitkan. oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Nazri, bukanlah menjadi satu

kesalahan jenayah di bawah undang-undang rasuah di negara ini. Oleh yang demikian, Badan Pencegah Rasuah tidak dapat mengambil tindakan terhadapnya.

Berhubung dengan Mahkamah Khas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz,.ingin saya maklumkan bahawa setakat ini Hakim-hakim yang menganggotainya, selain daripada Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar, masih belum dilantik. Mengenai undang-undang anti-lompat, ataupun, dengan izin, anti-hopping law pula adalah tidak wajar bagi saya mengulasnya kerana ada perkara berkaitan yang akan dihadapkan ke Mahkamah Agung dan dikhuatiri perkara ini akan menjadi sub judice.

Yang Berhormat Senator Tuan Chong Chi Siong telah menyarankan supaya usahawan-usahawan bumiputera bekerjasama dengan lain-lain kaum di dalam mempergiatkan ekonomi Malaysia tanpa ada sekatan budaya, politik dan sebagainya. Sukacita saya maklumkan bahawa perkara tersebut memang telah digalakkan oleh Kerajaan. Sebagaimana Yang Berhormat sendiri teiah sedia maklum, dasar usahasama di antara kaum bumiputera dan. bukan bumiputera memang telah ditekankan sejak Dasar Ekonomi Baru dan telah diperkukuhkan. lagi selepas pelancaran Dasar Pembangunan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Johan B.O.T. Ghani @ Christopher telah mengesyorkan supaya strategi pembangunan di Sabah diberi penekanan. yang mendalam, terutamanya dari segi kemudahan-kemudahan fizikal. Sukacita saya maklumkan bahawa sememangnya strategi pembangunan Kerajaan Persekutuan di Sabah

adalah menumpukan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam seperti pembinaan sekolah-sekolah, hospital, klinik dan rangkaian. jalanraya. Selaras dengan strategi ini, pelaksanaan projek-projek kecil luar bandar juga memberi penekanan kepada pembangunan kemudahan-kemudahan asas di peringkat kampung seperti jambatan, jalan kampung, balai raya dan lain-lain.

Kerajaan Persekutuan akan terus melipatgandakan usaha untuk melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas khususnya di kawasan-kawasan luar bandar untuk kesejahteraan rakyat. Saya mengucapkan terima kasih dan itulah jawapan untuk Jabatan Perdana Menteri.

Sekarang saya suka menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Barhormat mengenai Kementerian Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Hajah Selemiah binti Hashim telah membawa persoalan berkenaan dengan Pasukan Polis, Mengikut perangkaan Pasukan Polis DiRaja Malaysia, di dalam kes jenayah kolar putih ini (kes jenayah perdagangan), pada tahun 1991, di laporkan ada 4,350 kes di mana daripada jumlah ini, 793 tangkapan telah dibuat, 122 telah didakwa, 1,103 kes telah selesai dan 40 kes masih dalam tindakan pihak Polis. Jenis kesalahan-kesalahan jenayah kolar putih (jenayah perdagangan), termasuklah kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Dagangan Komoditi 1985, Akta Perindustrian Sekuriti, 1983, Akta Syarikat, 1965 dan Akta Insurans, 1963.

Mengenai langkah-langkah bagi mengurangkan kes jenayah tersebut, pada prinsipnya, Kerajaan telah bersetuju untuk menambahkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan jenayah kolar putih. Hukuman yang dipersetujui termasuklah Hukuman Penjara Minima Mandatory, Perintah Confiscation dan Forfeiture dan hukuman sebat. Tindakan sedang diambil oleh Kementerian yang berkaitan untuk membuat pindaan yang sesuai, selaras dengan keputusan Kerajaan tersebut dan apabila siap Rang Undang-undang berkenaan akan dibentangkan oleh Kementerian berkenaan kepada Kabinet dan seterusnya kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Hajah Selemiah juga membangkitkan persoalan berkenaan dengan akademi undang-undang. Kementerian ini sedang mengkaji cadangan penubuhan akademi tersebut dari segi beberapa aspek pelaksanaannya. Akademi ini dicadangkan supaya diwujudkan untuk meningkatkan amalan guaman yang beretika, cekap, bersih dan amanah. Pada masa sekarang cadangan ini telahpun diterima oleh Kementerian dan tindakan sedang diambil untuk meneliti cadangan tersebut dari segi bidang kuasa, fungsi dan sebagainya. Di antara perkara-perkara yang perlu di ambil kira ialah cadangan Kerajaan untuk menubuhkan institusi latihan kehakiman dan perundangan dan juga peranan dan fungsi Majlis Peguam, Kementerian perlu mengkaji apakah objektif dan peranan akademi tersebut jika dipersetujui kelak.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz telah membawa berkenaan dengan penggubalan sesuatu undang-undang. Sukalah saya mengatakan bahawa penggubalan sesuatu undang-undang adalah di

bawah tanggungjawab Kementerian-kementerian yang berkaitan. Proses penggubalan termasuklah perbincangan di peringkat Kementerian dan juga pandangan daripada pihak-pihak lain yang berkaitan, termasuk pandangan-pandangan orang ramai yang diambil kira. Hanya selepas konsep dan dasar undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kementerian, cadangan tersebut akan dikemukakan untuk penyemakan oleh Peguam Negara dari segi undang-undang. Selepas **itu**, cadangan tersebut perlu mendapat kelulusan Jemaah Menteri sebelum ianya dibentangkan di Parlimen. Oleh kerana prosedur yang ada sekarang mempunyai checks and balances, maka Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Penapis sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga telah membawa berkenaan dengan Mahkamah Khas. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Mahkamah Khas mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes yang melibatkan Raja di atas sifat peribadi sama ada jenayah atau sivil. Sekiranya kes Raja lawan Raja melibatkan persoalan peribadi, maka ini bolehlah di bawa untuk perbicaraan di Mahkamah Khas. Jika ada apa-apa kes yang hendak dibawa berkenaan dengan persoalan sama ada ianya bersangkutan dengan persoalan takhta atau persoalan-persoalan lain terhadap Raja, ianya boleh dirujuk kepada Mahkamah Khas. Walau bagaimanapun, ia perlu ditafsir selaras dengan peruntukan Perkara 71 di dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang peranan Majlis Peguam dan beberapa Ahli telah menyatakan bahawa Majlis Peguam telah dipolitikkan.

Mengikut Akta Profesion Undang-Undang 1976, Majlis Peguam mempunyai fungsi dan tanggungjawab tertentu terhadap profesion undang-undang, Saya menang bersetuju dengan pandangan-pandangan yang dikemukakan bahawa Majlis Peguam tidak patut diperalatkan atau menggunakan platform Majlis Peguam untuk pihak-pihak tertentu dan mempolitikkan tanggungjawab dan tugas mereka.

Mereka sepatutnya menjalankan tugas dan fungsi sebagaimana yang ditetapkan dan diperuntukkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang, 1976. Adalah diharapkan ahli-ahli Majlis Peguam mengambil perhatian di atas saranan yang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk meneruskan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad, Yang Berhormat Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali dan Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Pertahanan semasa perbahasan Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Pembukaan Mesyuarat Parlimen pada 26hb April yang lalu.

Peruntukan pembangunan bagi Kementerian Pertahanan yang diluluskan pada tahun 1991, 1992 dan 1993 adalah seperti berikut:

Pada 1991, ialah RM2,039,749.02 bilion. Pada tahun 1992, RM2.5 bilion dan pada tahun 1993, RM1.9 bilion. Jenis kelengkapan utama yang telah diperolehi dalam tempoh tersebut antara lain adalah:

- (i) Persenjataan Sistem 35mm "Oerlikon";
- (ii) Kapal Frigate;
- (iii) Radar Martello;
- (iv) Sistem Command Control Communications Intelligence;
- (v) Persenjataan sistem Starburst.

Kementerian juga bercadang memperolehi "Air Superiority Fighters" yang baru dan pada masa ini sedang mengkaji perkara ini dengan terperinci.

Sebahagian besar perbelanjaan pertahanan bagi Rancangan Malaysia Keenam adalah bagi mengganti peralatan Angkatan Tentera Malaysia yang telah usang dan ketinggalan zaman serta memodenkan ATM dengan peralatan yang lebih canggih dan terkini.

Mengenai penyediaan kediaman yang lebih selesa kepada anggota Tentera yang berpangkat rendah, Kementerian juga membina rumah untuk menyelesaikan masalah perumahan. Dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam, Kementerian merancang untuk membina 11,476 buah rumah. Setakat ini, 5,112 buah rumah telah siap dibina dan akan siap tidak berapa lama lagi ialah sebanyak 4,108 buah rumah. Dalam perancangan, ialah sebanyak 2,256 buah rumah. Adalah diharapkan dengan pembinaan rumah-rumah ini, maka masalah perumahan ini akan dapat diselesaikan.

Mengenai beberapa insentif seperti gaji dan elaun perumahan, Majlis Angkatan Tentera telah menerima skim gaji- Sistem Saraan Baru (SS3) untuk dilaksanakan bagi ATM. Walau bagaimanapun,, beberapa anomali tentang pemberian elaun-elaun yang berbangkit dan satu memorandum telah dimajukan ke pihak JPA untuk pertimbangan.

Mengenai kemudahan latihan, pihak ATM sememangnya dalam proses untuk mengkaji semula konsep latihan berikutan berakhirnya peperangan melawan 'insurgency'. Matlamat Kerajaan ini adalah untuk menentukan ATM sebagai satu pasukan 'conventional' yang berupaya memenangi peperangan 'conventional'. ATM akan didedahkan dengan latihan yang menitik-beratkan perkara-perkara teknikal. Sesuai dengan persekitaran di luar ATM sekarang, maka kursus-kursus di pusat-pusat latihan ATM sememangnya dilaksanakan untuk memenuhi kerjaya anggota ATM,

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, dari beberapa soalan yang baru dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar, berkenaan dengan kaum wanita tidak puas hati kerana keputusan berat sebelah para Kadi bersedia atau belum bersedia dalam Undang- undang Keluarga Islam; cadangan supaya ditubuhkan jari di Mahkamah Syariah seperti di mahkamah sivil. Suka saya memberi jawapan- jawapan yang berikut, keputusan yang dibuat oleh para Kadi-kadi adalah berdasarkan pada hukum dan keadilan kerana mereka memanglah arif dan terdidik di dalam Undang-undang Keluarga Islam.

Berkenaan kemudahan surau di kilang-kilang;, ada terdapat majikan-majikan kilang tidak menyediakan surau untuk kemudahan orang-orang Islam. Di sini akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah membangkitkan berkenaan dengan Enakmen Hukum Syarak. Terdapat kelonggaran dalam Enakmen Hukum Syarak. Enakmen Hukum Syarak adalah tertakluk kepada bidang kuasa Enakmen Hukum Syarak di negeri-negeri masing-masing. Oleh itu, ianya perlulah diselaraskan dan diperbaiki di peringkat negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, komen, pandangan serta syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Undang-undang dan Kementerian Pertahanan. Saya memohon maaf sekiranya saya tidak berkesempatan menjawab ataupun menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun demikian, perkara ini telah dicatat dan akan diambil perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri.

4.55 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri

Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan serta teguran ke atas perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri .

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak menegur bahawa terdapat anggota Polis tempatan yang berasa segan untuk mengambil tindakan ke atas kerabat di-Raja yang memandu tanpa lesen. Adalah dimaklumkan bahawa setakat ini tidak ada laporan di mana keluarga di-Raja menggunakan kereta atau memandu tanpa lesen. Sekiranya ada, pihak Polis perlulah mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut lunas undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, perlu dijelaskan bahawa Arqam adalah sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966. Oleh kerana pertubuhan Arqam tidak pernah didaftarkan, maka soalan untuk mengharamkannya tidak timbul, Kerajaan sentiasa peka dan mengawasi setiap aktiviti pertubuhan termasuk Arqam, dan sekiranya terdapat bukti-bukti yang kegiatan mana- mana pertubuhan pun yang bolch menimbulkan perasaan ketakutan dan kebimbangan di kalangan rakyat dan penduduk tempatan, tindakan segera akan diambil terhadap pertubuhan dan pemimpin-pemimpinnya.

Aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pengikut-pengikutnya adalah tertakluk kepada Akta Syarikat manakala premis pula tertakluk kepada peraturan dan Undang-undang Penguasa Tempatan.

Mengenai penerbitan pula, sebanyak 13 buah buku penerbitan Arqam telah diharamkan oleh Kerajaan dan adalah menjadi kesalahan untuk menjual atau memiliki buku-buku tersebut. Sebagai rakyat Malaysia, pemimpin-pemimpin Arqam adalah layak untuk mendapatkan passport Malaysia sekiranya memenuhi syarat-syarat tertentu.

Walau bagaimanapun, sekiranya didapati mereka melanggar apa-apa peraturan Imigresen, tindakan akan diambil mengikut Akta tersebut. Pemergian pemimpin-pemimpin Darul Arqam ke luar negeri adalah hak kebebasan rakyat. Oleh kerana itu, Kerajaan tidak dapat menghalang pemergian dan aktiviti-aktiviti mereka di negara berkenaan kecuali apabila mereka telah melakukan sesuatu yang melanggar undang-undang negara.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Nazri minta laluan. Silakan.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bercakap tentang mengharam, saya tidak bermaksud bahawa kalau sekiranya persatuan itu berdaftar maka Kerajaan haramkan. Saya tidak bercakap berkenaan haram dalam konteks itu. Parti Komunis pun tidak pernah didaftarkan di dalam negara kita tetapi aktiviti-nya diharamkan. Jadi, haram yang saya maksudkan ialah haram dalam konteks yang mana Kerajaan telah mengharamkan Parti Komunis. Sebab walaupun kalau hendak dibandingkan iaitu aktiviti Al-Arqam itu mengikut Undang-undang Syarikat, ia dibenarkan, macam mana saya

hendak tanya kalau zaman komunis dahulu, kalau komunis menjalankan aktiviti ekonominya yang tidak melanggar undang-undang pada ketika **itu**, kita tidak benarkan pun dia mengadakan aktiviti **dia**. Sebab apa? Kerana dia komunis.

Jadi, maksud saya di **sini**, haram yang saya maksudkan ialah haram sepertimana Kerajaan mengharamkan Parti Komunis dahulu. Ini saya hendak tanya kepada Yang berhorraat Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pertubuhan Arqam bukannya sebuah pertubuhan bercorak militan seperti PKM, yang disebutkan. oleh kerana kegiatan pertubuhan itu masih lagi dapat dibendung, ataupun masih mampu dikawal oleh Kerajaan pada masa ini sebab ia tidak berjuang secara bersenjata api dan juga melakukan sesuatu yang boleh menjatuhkan ataupun memudaratkan ketenteraman awam.

Walau bagaimanapun, segala kegiatan sekiranya kita dapat dari segi undang-undang adalah salah, saya telah jawab tadi, kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan. Sekiranya terbukti mereka telah menjalankan sesuatu di luar negeri, apabila dia balik kita ada undang-undang penahanan pasport biasa. Jadi, mereka adalah seperti rakyat yang biasa.

Tuaa Haji Mohamed Nazri bia Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila. Yang Berhormat Haji Nazri meminta laluan.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, pada hari ini katalah Parti Komunis, dia tidak lagi militan, Kita tahu bahawa Komunis di mana-manapun telah gagal. Sekarang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, kalau maknanya soal militan itu merupakan satu faktor yang menyebabkan mengapa Arqam tidak diharamkan, maka saya ingin bertanya, kalau Komunis sudah tidak lagi militan, apakah Kerajaan akan membenarkan aktiviti mereka di dalam negara kita?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Ong Ka Ting: Saya rasa sudah jelas pendirian Kerajaan Malaysia, kita tidak benarkan kegiatan komunis itu sama ada bersenjata atau secara fikiran. Itu memang kita sudah tegaskan, tidak ada tolak-ansur. Tetapi untuk Arqam **ini**, sekiranya kegiatan yang mereka jalankan itu tidak ada apa-apa bukti yang jelas bahawa ia sudah bercanggah dengan undang-undang kita, maka tidak dapat kita bandingkan itu dengan komunis sebab komunis itu adalah sesuatu yang menentang sistem kita - sistem Perlembagaan dan sistem pentadbiran negara kita. Jika sekiranya terdapat apa-apa kegiatan, bukan sahaja Arqam, kalau dia menentang, maka kita anggap itu satu kegiatan yang merbahaya.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Laluan sekali lagi.

Tuan Haji Mohamed Hazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perkara 3 dalam Perlembagaan Malaysia, iaitu bahawa Agama Islam adalah Agama Persekutuan. Kalau sekiranya Arqam mengajar penyokong-penyokong dan ahlinya bahawa Ashaari, Syeikhul Arqam ini sudah boleh berkata-kata dengan Allah Subhanahu Wa-Taala, maka jelas menyesatkan; apakah menyesatkan orang-orang Islam itu tidak bercanggah dengan undang-undang Malaysia pada hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri cuma bertanggungjawab tentang keselamatan. Aspek agama dan sebagainya itu telah dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri. Saya

rasa lebih sesuai bahagian itu kita rujuk kepada Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: sila teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan meminta supaya kawalan keselamatan yang ketat dikenakan semasa diadakan majlis-majlis keramaian yang melibatkan pemimpin-pemimpin negara.

Dalam perkara ini, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan melindungi pemimpin-pemimpin negara khususnya dan orang ramai amnya dari sebarang ancaman. Di majlis-majlis keramaian, kawalan yang rapi akan diberikan bukan sahaja bagi melindungi pemimpin-pemimpin negara, tetapi juga melindungi rakyat biasa dan juga untuk memastikan majlis tersebut dapat berjalan dengan lancar.

Mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh berkaitan para remaja yang hilang, adalah dimaklumkan iaitu setiap laporan yang diterima mengenai kehilangan remaja akan disiasat. Antara tahun 1986 hingga Jun 1992, seramai 10,903 orang gadis dan wanita telah dilaporkan hilang. Daripada jumlah yang hilang itu, seramai 2,945 orang telah dapat dikesan atau dijumpai semula.

Dalam hubungan ini, adalah agak sukar untuk memastikan sama ada mereka yang hilang itu telah dibawa untuk bekerja di luar negeri ataupun masih berada di dalam negeri kerana maklumat mengenainya adalah sukar diperolehi terutamanya kalau sekiranya kerjasama daripada keluarga si mangsa ataupun mereka yang terlibat tidak dapat diperolehi oleh pihak berkuasa.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri mengambil berat masalah kehilangan gadis ini dan akan mempertingkatkan lagi usaha untuk mencari mereka yang hilang dan juga langkah-langkah preventive akan dijalankan dengan kerjasama daripada pihak media massa dan juga orang awam.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, adalah ditegaskan bahawa pihak Kerajaan sememangnya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang didapati bertanggungjawab menguruskan permohonan Kad Pengenalan bagi orang-orang asing termasuk apa yang telah saya jawab di Dewan tadi, iaitu termasuk kita menggunakan undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan K. Munisamy menimbulkan masalah pelancong asing yang bekerja di negara ini, iaitu secara tanpa izin. Untuk makluman Yang Berhormat, seseorang yang memasuki negara di atas pass lawatan sosial atau untuk melancong, mereka tidak dibenarkan bekerja. Sekiranya didapati mereka bekerja tanpa permit, mereka boleh didakwa mengikut Peraturan 39(b), Peraturan Imigresen 1963 dan jika bersabit kesalahan itu, mereka yang terlibat boleh didenda tidak lebih RM1,000 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan, atau kedua-dua sekali. Selepas hukuman dijatuhkan, nama mereka akan terus dimasukkan di dalam senarai hitam Jabatan Imigresen untuk mengelakkan mereka datang sekali lagi untuk mengulangi kesalahan mereka.

Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong mencadangkan kepada Kerajaan supaya menggantikan bot-bot peronda Polis Marin dengan bot-bot baru yang lebih laju yang lengkap dengan peralatan dan senjata moden. Kerajaan memang sentiasa dari semasa ke semasa mengadakan program bagi meningkatkan keupayaan anggota Polis Marin bagi mengawal perairan negara dari pencerobohan lanun-lanun.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM186, juta diperuntukkan di bawah program penggantian bot-bot peronda dan kelengkapan Marin.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi penjelasan kepada beberapa pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Untuk pandangan atau teguran, sekiranya tidak sempat saya jawab tadi, saya beri jaminan bahawa "ianya akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar.

5.06 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Menteri Pembangunan Luar Bandar mengucapkan terima kasih kepada Senator Dato' Azumu Tak yang telah membangkitkan isu penyatuan badan-badan berkanun di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sukacita dimaklumkan bahawa sebenarnya Kerajaan sentiasa mengkaji peranan setiap agensi-agensi di bawah Kementerian dari semasa ke semasa supaya dapat mempertingkatkan keberkesanannya dalam

pembangunan negara. Buat masa ini Kerajaan sedang mengkaji peranan sektor pekebun-pekebun kecil di mana ketiga-tiga agensi tersebut iaitu FELDA, FELCRA dan RISDA adalah merupakan agensi-agensi utama yang terlibat dengan sektor **ini**. Memandangkan besarnya skop kajian dan juga berbagai implikasi yang perlu dihalusi, maka ianya perlu dilihat dengan teliti supaya perlaksanaannya kelak akan memberikan sumbangan dan kesan positif yang diharapkan bagi kumpulan sasar, yakni pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja jawapan saya ke atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Timbalan Yang di—Pertua: Dijemput Timbalan Menteri Pengangkutan.

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pengangkutan, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan, teguran dan syor-syor mereka mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan di sepanjang perbahasan Titah Ucapan DiRaja yang baru lalu.

Sukalah saya memberikan jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian.

Walau bagaimanapun, izinkan saya memberikan penjelasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong pada 26hb Mei 1993 yang telah mencadangkan supaya kemudahan infrastruktur di kawasan Pantai Timur Malaysia dipertingkatkan dengan meningkatkan taraf pelabuhan-pelabuhan dan mewujudkan pengangkutan **rel**, iaitu keretapi ke kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat tadi, sukalah saya memaklumkan. Dewan yang mulia ini di mana kemudahan pengangkutan di Pantai Timur Malaysia sememangnya telah dikenalpasti untuk dipertingkatkan. Kerajaan telah mengadakan perbincangan awal dengan Lembaga Pelabuhan Kuantan untuk mengkaji kemungkinan operasi pelabuhan berkenaan diperbadankan ataupun diswastakan bagi meningkatkan tahap kecekapan. perkhidmatan yang berkaitan.

Di Pelabuhan Kemaman pula, kajian hidrografi telahpun dijalankan dan kajian tanah, soil investigation, dengan izin, sedang diuruskan. Hasil kajian-kajian ini nanti akan menentukan jumlah kerja-kerja pengorekan yang perlu dibuat. Kerja-kerja pengorekan tanah dibuat bagi memperdalamkan perairan Pelabuhan Kemaman.

Tujuan rancangan-rancangan ini adalah untuk meningkatkan taraf pelabuhan-pelabuhan berkenaan dan menarik lebih banyak kapal-kapal dagang asing ke pelabuhan-pelabuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong juga membangkitkan supaya perkhidmatan keretapi ke Pantai Timur diwujudkan. Buat masa ini, KTM Berhad telahpun mempunyai perkhidmatan keretapi ke Pantai Timur daripada Kuala Lumpur melalui Negeri Sembilan, Pahang dan Kelantan.

Walau bagaimanapun yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat mungkin perkhidmatan .keretapi ke Negeri Terengganu. Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang memperluaskan rangkaian keretapi Pantai Timur ke Negeri Terengganu dan berpendapat perkhidmatan yang sedia ada adalah mencukupi.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan pandangan serta cadangan-cadangan itu diambil perhatian oleh Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon izin untuk menggulung bagi pihak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datin Paduka Hajab Zaleha binti Ismail: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan pandangan dan cadangan-cadangan berhubung dengan Kementerian ini semasa membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Selemiah binti Hashim dan Yang Berhormat Senator Tuan Hanipah bin Ahmad telah mengemukakan pandangan dan cadangan yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan inflasi dan peraturan jualan langsung. Kementerian sememangnya menyambut baik dan mengambil perhatian akan cadangan-cadangan yang dikemukakan itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sememangnya sedang menjalankan berbagai-bagai langkah bagi meningkatkan kesedaran

pengguna tentang peranan penting yang boleh dimainkan oleh pengguna bagi mengatasi inflasi. Antara langkah-langkah tersebut ialah kempen-kempen, melalui ceramah, seminar, pameran, penghasilan risalah-risalah dan sebagainya. Usaha-usaha seperti ini akan kita pergiatkan dari masa ke semasa.

Dalam hal ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan pelancaran Hari Pengguna Sedunia 1993 yang berlangsung pada 4hb Mei 1993 yang lalu, telah mengingatkan semua lapisan rakyat supaya mengawal perbelanjaan mereka untuk mengelakkan negara mengalami kadar inflasi yang tinggi. Kerana peningkatan pendapatan yang tinggi adalah tidak bermakna sekiranya ia diikuti peningkatan inflasi yang juga tinggi. Dalam pada itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Jawatankuasa Kabinet mengenai inflasi telah ditubuhkan yang terdiri daripada beberapa Kementerian dan agensi. Jawatankuasa Kabinet ini yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberikan perhatian kepada masalah inflasi dan sedaya upaya untuk menurunkan kadar inflasi dari 4.4% sekarang ini kepada 0%.

Sebagai sebuah agensi pelaksana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan melaksanakan apa jua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini melalui berbagai cara sama ada memperkukuhkan lagi peraturan dan undang-undang yang sedia ada dan pada masa yang sama meningkatkan kesedaran pengguna. Namun begitu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah untuk mengatasi inflasi ini hanya akan mendatangkan kesan yang positif sekiranya ia diberi perhatian oleh semua pihak dalam masyarakat termasuk-

lah Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan kata lain pihak Kerajaan, peniaga, pertubuhan-pertubuhan sukarela serta pengguna secara keseluruhan hendaklah melibatkan diri secara langsung dalam usaha untuk mengatasi masalah inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pengawalan aktiviti jualan langsung, seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Jualan Langsung berkuatkuasa mulai dari 1hb Jun 1993 ini. Tujuan Akta ini diadakan adalah untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna serta menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan aktiviti jualan langsung yang beretika. Dalam pelaksanaan Akta Jualan Langsung tersebut pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengadakan beberapa seminar jualan langsung untuk menjelas dan meningkatkan pemahaman masyarakat tentang Akta tersebut. Setakat ini seminar itu telah diadakan di Kuala Lumpur pada 12hb April 1993, di Pulau Pinang pada 23hb April 1993 dan di Kuala Terengganu pada 25hb Mei 1993. Seminar-seminar yang sama akan diadakan juga oleh pihak Kementerian di Johor Bharu pada 24hb Jun 1993.

Selain daripada itu semua cawangan Bahagian Penguatkuasaan Kementerian di seluruh negara telahpun diberi taklimat mengenai perkara ini untuk membolehkan penguatkuasaan dilakukan dengan licin dan berkesan. Akhir sekali saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi membahas perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sebarang cadangan dan pandangan tersebut akan diberikan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

5.15 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semasa ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beberapa perkara mengenai Kementerian saya disentuh. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih ke atas pandangan-pandangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pada 26hb Mei 1993, Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong telah membangkit beberapa perkara mengenai Tenaga Nasional Berhad. Seruan supaya prestasi TNB perlu ditingkatkan sesuai dengan matlamat dasar penswastaaan, Kementerian ini bersetuju dengan pandangan tersebut. Keadaan kekurangan reserve, keupayaan penjanaan baru-baru ini telah menyebabkan tindakan lucutan dan catuan beban oleh TNB dan tindakan-tindakan ini telah membangkitkan perasaan kebimbangan terhadap prestasi TNB.

Ingin saya menerangkan di sini kekurangan reserve, keupayaan penjanaan telah disebabkan oleh pembangunan ekonomi negara yang pesat. Memandangkan projek-projek elektrik memerlukan lead time dengan izin, yang penting iaitu di antara lima hingga tujuh tahun; TNB tidak dapat response dengan cepat untuk meningkatkan keupayaan penjanaannya selaras dengan pembangunan permintaan dua jangka akibat pembangunan ekonomi yang pesat. Di samping itu kos projek-projek

penjanaan yang tinggi juga telah melambatkan perlaksanaan projek kerana terpaksa mendapatkan kelulusan dari beberapa pihak tertentu. Walau bagaimanapun beberapa tindakan telah diambil untuk melaksanakan beberapa projek secara fast track oleh TNB dan Pengeluar—pengeluar Bebas bagi menentukan bekalan elektrik mencukupi bulan November 1994.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu caj sambungtara dan penyediaan tapak pembinaan pencawang, yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, ingin dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian ini sedang mengadakan perbincangan dengan TNB dan Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan Malaysia untuk menyelesaikan masalah ini. Mengenai penyediaan tapak, sukacita dimaklumkan bahawa satu kata sepakat telah dicapai seperti berikut. Iaitu untuk tapak bagi pembinaan pencawang 11 Kilowatt bagi kegunaan sesuatu sekim perumahan tertentu, bayaran nominal RM10 untuk tanah " akan diteruskan. Untuk pencawang 33 Kilowatt dan Ke atas di mana pembinaannya adalah untuk kegunaan berbagai, TNB dikehendaki mem bayar kos tanah yang berpatutan mengikut harga pasaran semasa.

Bagi isu caj sambungan pula ingin dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa polisi pengutipan bayaran penyambungan telah diamalkan semenjak penubuhan Lembaga Letrik Negara pada tahun 1949.

Rasional bagi polisi ini adalah kos infrastruktur bekalan elektrik amat tinggi. Hanya kos penjanaan dan penghantaran diambil kira dalam perkiraan tarif. Oleh itu kos pengagihan perlu didapati semula melalui bayaran penyambungan. Sekiranya kos sambungan diambil kira dalam tarif kos sambungan kepada pengguna baru akan ditanggung bersama oleh pengguna lama. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi kategori kediaman mulai dari 1hb September 1988 hanya dikenakan caj 50% daripada kos pembinaan dan 50% lagi ditanggung oleh TNB sendiri.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan Bekalan Elektrik sedang menyediakan formula caj sambungan yang berdasarkan kos yang berpatutan sahaja diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua, pampasan bagi pemasangan kable oleh TNB di atas tanah milik persendirian seperti apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai pampasan bagi kabel oleh TNB di atas tanah milik persendirian, ingin dimaklumkan bahawa TNB memasuki tanah-tanah persendirian untuk membina talian penghantaran elektrik dan kabel di bawah tanah mengikut kuasa yang diberi di bawah Seksyen 11, Akta Bekalan Elektrik 1990. Mengikut Seksyen 16, Akta Bekalan Elektrik 1990, TNB juga dikehendaki membayar pampasan penuh kepada semua tuan-tuan tanah yang berkepentingan kerana apa-apa gangguan kerosakan atau ketidakupayaan yang mungkin diakibatkan oleh pembina ini. TNB juga ada membayar balik cukai tanah kepada tuan-tuan tanah yang membuat tuntutan kepada TNB. Ajaun pampasan, jika ada dikenakan oleh TNB di bawah Seksyen 11, Akta Bekalan Elektrik 1990, hendaklah ditaksirkan oleh Pentadbir Tanah Daerah selepas mengadakan siasatan atau enquiry.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Abdullah telah membangkitkan perkara berkenaan dengan permohonan telefon awam di Rancangan Tanah FELDA Perca Melaka. Saya akan mengarah kepada

Telekom Malaysia untuk menyasat dan mengambil tindakan yang segera dan dilaporkan kepada Yang Berhormat apabila perkhidmatan kepada kawasan itu dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan dan penjelasan yang saya dapat beri kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat **itu**, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan memberi jaminan. Kementerian saya akan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, saya cuba menjelaskan segala perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pembangunan infrastruktur lebuhraya/jalan raya yang sedang dan akan dilaksanakan di seluruh negara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan secara am, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk memaklumkan. sekali lagi bahawa pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam yang menjadi teras utama bidang tugas Kementerian saya akan terus diberi tumpuan dan perhatian untuk

dilaksanakan. Untuk memastikan hasrat ini tercapai, Kerajaan telah mempergiatkan usaha untuk menyiapkan projek-projek jalan raya utama, termasuk projek-projek yang diswastakan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Senator Tuan Ghazali bin Haji Embong supaya dipertingkatkan pembangunan infrastruktur jalan raya/lebuhraya di negeri-negeri Pantai Timur supaya seimbang dengan pembangunan infrastruktur jalan raya/lebuhraya di negeri-negeri Pantai Barat, Semenanjung Malaysia, sukalah saya maklumkan bahawa Kerajaan memang berhasrat untuk membina rangkaian jalan raya yang terbaik bagi seluruh negara. Kerajaan sedar bahawa rangkaian jalan raya yang baik akan memberi faedah yang besar kepada Kerajaan dan juga pengguna-pengguna. Di samping itu, rangkaian jalan raya yang baik juga secara langsung memberi imej yang baik kepada negara dari segi galakan pelancongan dan tarikan kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara kita. Walau bagaimanapun, pembangunan infrastruktur jalanraya/lebuhraya ini bergantung kepada kedudukan kewangan negara, struktur rauka bumi dan kepentingannya kepada Kerajaan dan pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, khusus mengenai pembangunan infrastruktur jalan raya/lebuhraya di Pantai Timur, beberapa projek besar meliputi kerja-kerja pembinaan jalanraya baru menaikkan taraf jalanraya yang sedia ada dan menyediakan peruntukan khusus untuk penyelenggaraan jalan-jalan supaya kekal dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan; sedang dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Antaranya ialah projek membina jalan dari Simpang Pulai-Lojing, Gua Musang-Kuala Berang, projek Jalan Kota Bharu-Kuala Krai dan projek membina Jambatan Sungai Kuantan

dengan kos projek sebanyak RM72.3 juta; memperbaiki dan memperelokkan Jalan Maran-Jerantut, projek Jalan Gua Musang-Kuala Lipis-Raub dan projek baru Kuala Lumpur-Karak, Demikianlah sebahagian daripada projek-projek besar yang sedang dan akan dilaksanakan yang melibatkan negeri-negeri di Pantai Timur. Sebenarnya, banyak lagi projek yang akan dilaksanakan yang tidak dapat disebutkan di sini kerana ianya akan melibatkan satu senarai yang amat panjang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia **ini**, peruntukan sebanyak RM15.9 juta telah dipohon di bawah Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Keenam untuk membuat kajian terperinci mengenai keperluan rangkaian jalan raya/lebuhraya di Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah yang mahukan supaya Kerajaan mempertingkatkan keadaan jalan dan jambatan di Negeri Sembilan, khususnya memperbaiki keadaan jalan dari Seremban-Bahau yang sempit dan berlubang, sukalah saya maklumkan di sini seperti yang saya telah sebutkan tadi bahawa rancangan pembangunan infrastruktur jalan raya/lebuhraya yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah meliputi seluruh negara. Khusus mengenai projek jalan dari Seremban-Bahau, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa projek melebar jalan dari Seremban-Kuala Pilah sedang giat dijalankan yang melibatkan kos sebanyak RM18.8 juta dan dijangka siap pada bulan Julai tahun ini. Projek ini adalah untuk mempertingkatkan taraf jalan tersebut daripada dua lorong pada masa ini kepada jalan empat lorong. Bagi bahagian jalan dari Kuala Pilah-Bahau, Kerajaan memang sentiasa memberi perhatian untuk memastikan jalan tersebut selamat untuk digunakan. untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM6.5 juta setahun untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Salam bin Awang berhubung dengan kontraktor bumiputera yang lemah, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa Kerajaan memang sedar mengenainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah merancang beberapa program bagi memajukan kontraktor bumiputera, termasuk kontraktor-kontraktor baru. Antara program-program tersebut adalah:

- (a) Memperuntukkan projek-projek yang ditawarkan khas untuk bumiputera. Pihak Kementerian akan memastikan bahawa projek-projek tersebut mampu dilaksanakan oleh kontraktor bumiputera. Di samping itu, bagi menggalakkan kontraktor bumiputera melaksanakan bidang kerja yang jarang mereka ceburi seperti kerja-kerja jalan, kerja-kerja kejuruteraan dan mekanikal, pihak Kementerian juga telah cuba untuk mengenalpasti projek-projek dalam bidang tersebut yang sesuai dan dirasakan mampu untuk dilaksanakan oleh kontraktor bumiputera bagi ditawarkan secara khas untuk bumiputera sahaja. Adalah diharapkan usaha tersebut akan dapat melahirkan kontraktor bumiputera akan mampu bersaing dengan rakan bukan bumiputera dalam pelaksanaan projek-projek sedemikian.

(b) Mengajukan kursus-kursus dalam bidang pengurusan kontrak dan teknikal. Kursus-kursus tersebut terbahagi kepada dua jenis iaitu kursus jangka panjang dan kursus pendek teknikal. Kursus jangka panjang pula terbahagi kepada dua iaitu:

- (i) kursus asas kontraktor binaan bumiputera yang disertai oleh bakal-bakal kontraktor, kontraktor-kontraktor baru dan pekerja-pekerja kepada syarikat-syarikat pembinaan; dan
- (ii) kursus lanjutan iaitu sambungan kepada kursus asas kontraktor binaan bumiputera tersebut.

Jenis yang kedua ialah kursus-kursus pendek teknikal yang lebih mengkhususkan kepada bidang-bidang tertentu seperti jalan, jambatan, bekalan air dan pengurusan kontrak sekerja. Kursus-kursus ini adalah bertujuan untuk menambahkan lagi pengetahuan dan kemahiran kontraktor bumiputera bagi meningkatkan daya saing dalam bidang pembinaan di samping meningkat prestasi dan kualiti kerja mereka.

(c) Memberikan bimbingan dan khidmat nasihat serta membantu dalam melaksanakan tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kontraktor bumiputera sama ada yang ingin memasuki tawaran atau yang

sedang melaksanakan kerja. Usaha ini dibuat melalui lawatan pegawai-pegawai Kementerian ke tapak bina atau melalui perbincangan di pejabat. Bimbingan dan khidmat nasihat yang diberikan meliputi aspek pengurusan kontrak dan teknikal yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh kontraktor.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil ialah menasihati kontraktor atas jenis tindakan yang boleh diambil bagi mengatasi masalah; menghubungi agensi-agensi atau pegawai-pegawai yang terlibat bagi menyelesaikan masalah yang timbul.

Antara bantuan yang biasa diberikan ialah memohon lanjutan masa dan rayuan pengecualian denda bagi kontraktor bumiputera di samping menasihati dari segi masalah-masalah teknikal yang lain.

- (d) Di samping itu, dalam mesyuarat-mesyuarat utama sama ada yang melibatkan pihak Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya atau yang melibatkan agensi-agensi lain seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri. Masalah kelemahan kontraktor bumiputera dalam pelaksanaan projek juga sering dibincangkan. Beberapa persetujuan, cadangan dan penyelesaian telah dibuat yang ada di antaranya melibatkan penggubalan semula polisi-polisi yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha memang sentiasa dilakukan oleh pihak Kementerian untuk membantu meningkatkan prestasi kontraktor-kontraktor bumiputera yang masih lemah di dalam bidang pembinaan ini. Walau bagaimanapun, kontraktor bumiputera itu sendiri perlu juga berusaha untuk meningkat kemampuan dan prestasi mereka dalam bidang pembinaan.

Dengan itu, harapan Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang maju dan dinamis akan dapat tercapai. Oleh itu, kontraktor bumiputera harus menilai kemampuan dan kualiti diri mereka sendiri sebagai kontraktor binaan dan berusaha untuk lebih memajukan diri, di samping usaha-usaha yang mampu dibuat oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun Kementerian dan Jabatan Kerja Raya juga bertanggungjawab untuk memastikan projek-projek yang ditawarkan dapat disiapkan dengan sempurna. Dengan itu, pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya perlu memilih kontraktor-kontraktor termasuk kontraktor bumiputera yang dirasakan mempunyai kemampuan untuk melaksanakan projek-projek tersebut melalui satu kaedah penilaian yang lebih sistematik.

Adalah diharapkan melalui usaha tersebut dapat memastikan projek-projek disiapkan mengikut jadual, mengelakkan kerugian dari segi kos yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan sekiranya projek tersebut lewat disiapkan atau terbengkalai serta perlu ditawarkan semula, di samping dapat memastikan client yang terlibat dapat menggunakan projek-projek berkenaan dalam masa yang telah dirancangkan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja penjelasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga menjelaskan mengenai beberapa tugas penting yang menjadi tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Kemungkinan ada perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak dijawab, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Chua Jui Meng]; Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Titah Ucapan DiRaja mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberikan jawapan ke atas beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Azumu. bin Tak dan Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad telah mencadangkan supaya misi-misi perdagangan yang dianjurkan oleh MITI bagi program-program perdagangan dan pelaburan disertai oleh usahawan pengeksport dan Kerajaan Negeri, Suka saya menyatakan bahawa jemputan penyertaan misi perdagangan atau pelaburan adalah dibuat secara terus kepada pengusaha-pengusaha, pengeksport-pengeksport, Kerajaan-kerajaan

Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri dan juga melalui Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian di peringkat Persekutuan dan Negeri serta pertubuhan-pertubuhan perdagangan dan perindustrian.

Program misi-misi perdagangan diumumkan di akhbar-akhbar tempatan dan melalui kenyataan akhbar. MITI sememangnya mengalu-alukan lebih ramai pengusaha, pengeksport dan Kerajaan Negeri untuk turut serta di dalam misi-misi perdagangan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow telah membangkitkan mengenai kekurangan tapak kilang untuk industri kecil dan sederhana; dan tapak yang sedia ada jika pun ada, adalah terlalu tinggi harganya. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya menyedari masalah kekurangan tapak kilang untuk industri kecil dan sederhana. Tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini ialah:-

- (i) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, tapak-tapak industri kecil dan sederhana (IKS) telah disediakan di seluruh negara bagi didirikan bangunan-bangunan kilang yang sesuai untuk dibeli atau disewa oleh IKS dengan harga yang berpatutan.

Sebilangan daripada pembangunan tapak-tapak kilang yang dirancangkan di bawah program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Malaysian Industrial Estate Sdn. Shd. (MIEL) iaitu anak syarikat MIDF di bawah Kementerian saya.

Di antara projek yang sedang pesat dalam pelaksanaan oleh MIEL pada masa ini ialah pembangunan tanah industri IKS di Mukim Batu, Kuala Lumpur yang meliputi kawasan seluas 55.7 ekar yang akan didirikan sebanyak 207 unit kilang termasuk 18 unit rumah kedai yang dijangka dapat disiapkan pada penghujung tahun depan.

Selain daripada tapak di Mukim Batu, tapak-tapak yang telah dikenalpasti oleh MIEL ialah tapak di Muara Tebuan, Sungai Petani dan Bandar Seri Alam di Johor.

(ii) MITI juga dari masa ke semasa telah mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri bagi mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk dibangunkan sebagai tapak IKS.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perjalanan Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan.

Yang Berhormat Senator Fu Ah Kiow mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan mengendalikan lebih banyak dialog, seminar dan khemah kerja untuk pemimpin belia dari berbagai kaum. Perkara ini memang sangat diberikan perhatian serius oleh Kementerian dan usaha penyiaran dan berkongsi maklumat merupakan teras untuk meningkatkan kemahiran, kepimpinan, kemalangan, kewibawaan dan memupuk perhubungan di kalangan pemimpin-pemimpin daripada berbagai organisasi belia; Ke arah ini Kementerian merancang dan melaksanakan berbagai-bagai program yang antaranya termasuk Kem Budaya Kerja Cemerlang, Kursus-kursus Kepimpinan Peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan, program-program khas untuk wanita, program-program Pasukan Pelopor Laluan Muhibah, Explorasi dan Ekspedisi, Kem Sebati, Program Belia Bandar dan Kem Tunas Nasional. Selain daripada program-program di atas, Kementerian dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia sering kali menganjurkan seminar, konvensyen dan simposium untuk belia berbagai kaum, di samping menggalak dan memberi bantuan kepada organisasi-organisasi

belia sendiri mengendalikan seminar dan bengkel atas tajuk-tajuk semasa, seperti persekitaran, masalah juvena, ekonomi dan sebagainya.

Mengenai harapan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Salam Awang supaya Kementerian menganjurkan Sukan Komanwel 1998 dengan cemerlang, memanglah ini menjadi hasrat Kerajaan. Dengan yang demikian, berbagai pihak - Kerajaan, swasta mahupun sukarela - dan bukan sahaja Kementerian Belia dan Sukan akan terlibat dengan perancangan, pelaksanaan, dan persediaan kita sebagai tuan rumah sukan tersebut.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, satu syarikat bernama SUKOM 1998 Berhad telah ditubuhkan untuk bertanggungjawab sebagai badan pengelola Sukan Komanwel 1998. Penubuhan syarikat ini adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan Commonwealth Game Federation yang memerlukan satu Organising Committee yang mempunyai 'legal status' ditubuhkan dan dipertanggungjawabkan sebagai badan yang mengelolakan persediaan dan persiapan sukan tersebut. Buat masa ini, SUKOM 98 Berhad sedang di dalam proses melantik beberapa kakitangan untuk menjalankan operasinya.

Sukan Komanwel 1998 merupakan satu projek negara dan Kerajaan telah membuat komitmen untuk memastikan kejayaannya dengan memberi sokongan-sokongan seperti berikut:-

- (i) Menubuhkan satu Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Majlis ini bertanggungjawab ke atas dasar Kerajaan berkaitan penganjuran sukan ini dan memastikan kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli Majlis terdiri dari Menteri-menteri Kabinet.

- (ii) Menubuhkan beberapa jawatankuasa di bawah Majlis Sukan Komanwel. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut yang dipengerusikan oleh Menteri-menteri berkaitan adalah Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Sukan, Jawatankuasa Penyediaan Atlit dan Pegawai Teknikal, Jawatankuasa Perkhidmatan Sokongan, Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Kebersihan Bandar dan Jawatankuasa Publisiti dan Komunikasi,
- (iii) Menyediakan venue pertandingan dan latihan yang mencukupi untuk sukan tersebut. Di dalam hal ini, Kerajaan telah bersetuju membina Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil, Kompleks ini akan mengandungi sebuah stadium terbuka dengan kapasiti 80,000, sebuah stadium tertutup dengan kapasiti 13,000 dan sebuah kompleks renang dengan kapasiti 3,000. Kemudahan-kemudahan di atas akan digunakan untuk upacara pembukaan, upacara penutup olahraga, gimnastik dan renang.
- (iv) Menaikkan taraf beberapa kemudahan yang sedia ada supaya sesuai digunakan sebagai venue pertandingan acara-acara sukan yang berkaitan. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah Kementerian Belia dan Sukan.
- (v) Membantu SUKOM 98 Berhad dengan memberi pinjaman sebanyak RM10 juta sebagai modal awal untuk syarikat tersebut memulakan operasinya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi, saya ucapkan, sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas cadangan membina dan yang diutarakan. Kementerian Belia dan Sukan akan memberikan perhatian sewajarnya kepada isu-isu yang dibangkitkan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Timbalan Menteri Pertanian.
5.46 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Rahmah binti Salleh telah mencadangkan supaya pembekuan lesen-lesen bot dan lesen bot pukut tunda dipertimbangkan semula oleh Kementerian demi kebaikan kaum nelayan. Beliau juga mencadangkan supaya Kementerian melaksanakan program-program untuk meningkatkan taraf hidup nelayan. Berhubung dengan perkara ini, suka saya jelaskan bahawa pembekuan lesen bot pukut tunda dilakukan oleh Kementerian Pertanian adalah bagi mengawal aktiviti penangkapan ikan supaya tidak berlaku 'over fishing' yang akan menjejaskan sumber ikan dan seterusnya kemungkinan pupus sama sekali. Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan telah menjalankan kajian mengenai sumber perikanan negara. Berdasarkan data atau maklumat dari kajian tersebut, maka bilangan lesen bot yang sesuai dikeluarkan. Bilangan bot yang dibenarkan beroperasi di laut pantai telah mencapai ke paras maksimum. Oleh yang demikian, Kementerian Pertanian sedang menggalakkan nelayan menangkap ikan di laut dalam, iaitu bagi kawasan laut yang melebihi 30 batu dari pantai.

Tuan Yang di-pertua, pihak Marin Perikanan hanya mengambil tindakan ke atas nelayan-nelayan yang melanggar Akta Perikanan. Kementerian. Pertanian 'melalui Jabatan Perikanan diamanahkan untuk mengurus sumber perikanan dengan. sebaik-baiknya. Sumber ini boleh dimusnahkan oleh nelayan-nelayan jika tidak dikawal. Perkara ini telah berlaku di laut Teluk Siam di mana sumber ikannya telah musnah dan ini memaksa nelayan-nelayan Thai menangkap ikan di laut-laut negara lain. Kita tidak mahu perkara yang sama berlaku kepada nelayan-nelayan di negara kita.

Bagi menggalakkan. nelayan menambah pendapatan mereka, Kementerian Pertanian menganjurkan supaya mereka mencebur diri di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkaitan, seperti industri pelancongan atau, dengan izin, 'sport fishing', kraftangan dan akuakultur. Keluarga nelayan juga dilatih membuat hasil-hasil perikanan seperti membuat keropok, ikan kering, bebola ikan dan. lain-lain. Dengan cara ini mereka boleh menambah pendapatan keluarga melalui aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hajah Asmah binti Ismail, Yang Berhormat Tuan Munisamy a/l Kuppan dan Yang Berhormat Hajah Rahaiah Baهران telah membangkitkan isu-isu mengenai penglibatan pemuda-pemuda dalam sektor pertanian. Cadangan supaya Kerajaan memberi penekanan kepada sektor pertanian, khususnya berhubung dengan pengeluaran makaaan dan memajukan tanah-tanah kosong dan tanah-tanah terbiar. Di samping itu, ada cadangan supaya Koperasi Asas Tani dan. Koperasi Asas Perikanan dikaji semula dan diletakkan di bawah satu bumbung.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penglibatan pemuda-pemuda dalam sektor pertanian, adalah diakui bahawa di dalam Dasar Pertanian Negara (1992-2020) mengambil pendekatan supaya petani-petani dan nelayan mengambil bahagian dalam kegiatan pertanian yang 'viable' dan 'commercial' supaya pendapatan yang diperolehi tidak berbeza dengan sektor-sektor lain. Dasar Pertanian Negara juga menekankan pembangunan sumber manusia (human resource development) supaya bakal-bakal petani dan nelayan mempelajari bidang-bidang berkaitan perniagaan tani, pengurusan dan usahawanan dalam pertanian.

Kementerian menyambut baik cadangan untuk peningkatan pengeluaran makanan, kerana ianya merupakan sumber pertumbuhan sektor pertanian.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ke arah meningkatkan pengeluaran makanan, ialah memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan supaya dapat bersaing dengan makanan-makanan yang diimport dan dieksport. Ianya melibatkan proses atau kaedah untuk mengurangkan penggunaan buruh di samping untuk meningkatkan teknologi dan bertambahnya pengeluaran.

Mengenai cadangan memajukan tanah terbiar, Kementerian sememangnya ada program mengenainya khusus melalui Pertubuhan Peladang Kawasan, di mana tanah-tanah berkenaan ditanam dengan tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran atau tanaman jangka panjang seperti pokok buah-buahan atau kelapa sawit. Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan dengan peningkatan pengeluaran makanan, maka tanah-tanah yang terbiar dengan sendirinya akan digunakan atau dimajukan untuk pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai cadangan supaya Koperasi Asas Tani dan Koperasi Asas Perikanan diletakkan di bawah satu bumbung. Cadangan ini akan dikaji oleh Kementerian dengan teliti. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri.

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkait dengan bidang tugas Kementerian Luar Negeri di dalam perbahasan Titah Di-Raja.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz telah membangkitkan isu penindasan orang-orang Islam di Bosnia, khususnya peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam hal ini.

Saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam usaha-usaha di peringkat antarabangsa sama ada di PBB, di OIC, di NAM atau lain-lain forum bagi mencari penyelesaian ke atas masalah Bosnia-Herzegovina. Atau daya-usaha dan peranan aktif perwakilan kita menggerakkan negara-negara lain, terutamanya negara-negara OIC, isu Bosnia telah dapat diketengahkan sebagai satu isu utama dalam agenda Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Perwakilan Malaysia telah menyuarakan dengan lantang sikap tidak bersungguh-sungguh pihak Barat dalam menangani isu Bosnia-Herzegovina, dan telah menggesa negara-negara Barat melalui panji-panji PBB, mengambil tindakan tegas terhadap puak Serb, termasuk campurtangan ketenteraan dan menarik balik sekatan senjata ke atas Bosnia dan sebagainya.

Pihak Pejabat Perwakilan Tetap juga telah memainkan peranan yang aktif dalam forum-forum, dengan izin, "The OIC Contact Group" dan "NAM Caucus" di New York mengenai isu Bosnia dan merupakan antara penggerak utama yang membawa kepada penyingkiran Serbia dan Montenegro dari meneruskan keahlian bekas Republik Yugoslavia dalam PBB.

Kita juga telah turut memberi sokongan padat dan melibatkan diri dalam perbincangan-perbincangan kepada tertubuhnya Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk mengadili jenayah penghapusan etnik, jenayah perang, jenayah penyeksaan manusia di wilayah-wilayah bekas Republik Yugoslavia.

Perwakilan Tetap Malaysia di PBB akan meneruskan usaha dan penglibatan aktif dalam kesemua forum yang sedia ada, di samping mencari usaha baru ke arah mencapai penyelesaian di Bosnia.

Antara langkah-langkah yang akan kita teruskan bagi memberi tekanan dalam usaha mencari penyelesaian yang adil pada situasi di Bosnia ialah:

- (i) Penarikan balik sekatan senjata ke atas Bosnia.
- (ii) Persetujuan bersama untuk mengambil tindakan ketenteraan ke atas puak Serb.
- (iii) Memutuskan bekalan senjata kepada pihak Serbia.
- (iv) Menilai semula mandat Pasukan Pengaman UNPROFOR di Bosnia supaya ianya dapat memainkan peranan yang lebih berkesan.
- (v) Pengembalian pelarian-pelarian Bosnia ke tempat asal mereka dengan selamat; dan

- (vi) Menggesa Majlis Keselamatan dan anggota-anggota tetapnya supaya tidak menerima keadaan, dengan izin, fait accompli di Bosnia-Herzegovina.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Lawatan keluar negeri oleh anggota pentadbiran peringkat negeri, khususnya Menteri Besar dan Ketua Menteri sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

Suka saya menjelaskan bahawa Kementerian Ular Negeri sekiranya diminta boleh menyelaras dan membantu mengurus lawatan-lawatan rasmi yang dibuat oleh anggota-anggota pentadbiran di peringkat negeri. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, Kerajaan tidaklah menghalang warganegara Malaysia termasuk pihak Pembangkang untuk membuat lawatan ke luar negeri dan berjumpa dengan sesiapa sekalipun. Tetapi sekiranya didapati lawatan dan perjumpaan berkenaan mendatangkan implikasi yang memudaratkan keselamatan negara, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mereka.

Berkenaan dengan penyertaan wakil Kementerian atau dari Kedutaan dalam setiap lawatan, ingin saya maklumkan bahawa tidak semua lawatan disertai oleh wakil dari Kementerian ataupun Kedutaan. Penyertaan wakil Kementerian ataupun Kedutaan pada biasanya bergantung kepada keperluan dan kepentingan sesuatu lawatan itu.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah dalam ucapannya, saya bersetujulah dan mengakui bahawasanya setengah-setengah

pemimpin-pemimpin dunia yang datang ke Malaysia kerap menggunakan bahasa-bahasa mereka sendiri, contohnya seperti negara China, Jepun, Russia dan Peranchis. Dan mereka juga dikatakan mcmbawa bersama jurubahasa mereka sendiri, sedangkan Malaysia pula menggunakan bahasa Inggeris dan kata Yang Berhormat tadi, ini mungkin boleh memalukan Malaysia. Kita tidak fikir begitu; yang pentingnya ialah kita sedar negara-negara yang membawa jurubahasa mereka sendiri dan menggunakan bahasa mereka sendiri merupakan negara-negara yang agak besar dan kuat seperti yang disebutkan tadi China, Jepun, Russia dan Peranchis.

Saya kira Malaysia ini sedang maju membangun dan kalau Malaysia maju pula mungkin kita boleh membawa atau menggunakan bahasa kita sendiri, mungkin banyak negara-negara lain yang ingin dan mahu belajar bahasa kita, seperti negara Jepun kini, iaitu sebuah negara yang kuat ekonominya dan banyak negara-negara asing yang ingin mempelajari bahasa Jepun. Dan kita menjangka bahawa satu masa kelak bahawasanya banyak negara-negara lain akan mahu dan ingin mempelajari Bahasa Malaysia....

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Ahmad puas hati? Hendak minta laluan?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hairan bahawa apabila kita menggunakan bahasa Inggeris **ini**, negara kita seperti kecil dan tidak maju. Jadi,

Kementerian Luar Negeri mengakui tadi bila menggunakan bahasa sendiri kita adalah menjadi sebuah negara yang besar seperti negeri China, Russia dan lain-lain. Dengan sebab itulah sepatutnya Kementerian sekarang menggunakan Bahasa Malaysia supaya kita setaraf dengan negara-negara yang besar tadi. Jadi, kita rasa jika negara kita menggunakan bahasa Inggeris - kecil - besarkanlah, gunakan Bahasa Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan Bahasa Malaysia, apatah lagi apabila ada sidang atau ucapan rasmi di mana pelawat kita menggunakan bahasa mereka dan ada terjemahannya dalam bahasa Inggeris atau Melayu. Jadi, pemimpin kita sama ada Yang di-Pertuan Agong atau Perdana Menteri juga berucap balas dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa yang mereka tahu. Tetapi kita mesti faham bahawasanya setengah-setengah negara yang datang ke negara kita tidak faham Bahasa Melayu langsung, walhal kita terpaksa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaran.

Saya juga ingin menekankan bahawasanya Bahasa Malaysia sedang berkembang kini, saya yakin dan percaya mengikut pembangunan kita, pada satu masa kelak apabila negara kita dan negara-negara di rantau Asia ini mampu bangun dengan begitu pesat sekali, maka akan ramailah warganegara dunia.....

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, minta laluan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: ... mahu mempelajari Bahasa Malaysia. Jadi, mudah kita berbicara dalam Bahasa Melayu ataupun Bahasa Malaysia.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat sendiri dalam satu pertemuan pemimpin negara besar dengan pemimpin negara kita. Mereka menyangkakan bahawa kita ini akan bercakap dan berbincang dengan dia melalui Bahasa Malaysia. Pemimpin negara-negara besar di dunia ini memang membawa sama ke negara-negara yang hendak dilawati jurubahasa supaya mudah berbincang di negeri dia pergi. Jadi dia sedia membawa orang yang mengetahui bahasa negara itu.

Misalnya Negeri China, Jepun, Jerman dan Russia terutamanya, jurubahasanya mempelajari Bahasa Malaysia melalui Bahasa Indonesia yang baik. Apabila mereka hendak datang ke Malaysia, misalnya - hari itu Timbalan Perdana Menteri China datang ke Melaka. Di rumah Tuan Yang Terutama, Gabenor Negeri Melaka, dia menyediakan 24 orang jurubahasa. Mereka boleh bercakap dengan saya dalam Bahasa Malaysia, tetapi mereka pelik mendapati pemimpin yang berdepan dengan mereka di Negeri Melaka bercakap dalam bahasa Inggeris. Kelam-kabut dia hendak mencari penterjemah bahasa Inggeris itu. Nasib baik Timbalan Perdana Menteri itu mengerti sedikit dalam bahasa Inggeris dan dengan serta merta dia menjawab dalam bahasa China. Dia boleh jawab pemimpin kita dalam bahasa China. Jurubahasa yang dibawanya tidak mengerti bahasa Inggeris.

Oleh sebab tiap-tiap negara besar sekarang telah mempelajari Bahasa Malaysia. jadi bila dia tengok pemimpin kita bercakap dalam bahasa Inggeris, dia terpaksa hancar jurubahasa dalam bahasa Inggeris. Tetapi kalau pemimpin kita sentiasa bercakap dalam Bahasa

Malaysia, sudah tentu dia hancur jurubahasanya yang terdiri dari orang-orang yang mengetahui Bahasa Malaysia yang mempelajari Bahasa Malaysia itu melalui bahasa Indonesia.

Kalau kita tengok perbincangan pemimpin Russia dengan pemimpin Amerika, misalnya Clinton dengan Boris Yeltsin, dengan microphone dia bercakap dalam bahasa Russia dan Clinton pula dalam bahasa Inggeris. Mereka ini boleh berbincang pula di tengah padang. Tetapi kita pula sekarang ini sibuk hendak mempelajari bahasa Inggeris, ada "inferiority complex" kata Kementerian tadi - rasa rendah diri. Kononnya, negara kita kecil. Apakah sekiranya negara kita sudah besar seperti negara-negara lain baru hendak menggunakan Bahasa Malaysia? Sepatutnya sekarang kita mesti merasakan bahawa negara kita besar dan kita boleh menggunakan Bahasa Malaysia seperti Sultan-sultan dalam zaman keagungan bangsa Melayu dahulu, dia tidak peduli. "Siapa yang datang bercakap dengan aku mesti dalam bahasa Melayu, menulis dalam jawi". "Shahdan, Sebermula, Hatta..."

Timbalan Yang di-Pertua: Apa itu, boleh ulang lagi?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: "Shahdan, Sebermula, Hatta".

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua tentulah lagi pandai.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak pandai! Tak pandai!

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: "Sebermula " ..lepas itu, "dengan nama Allah yang Maha berkuasa...Alkisah,...dan sebagainya",

Timbalan Yang di-Pertua: "Adanya".

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Sama ada orang Putih itu tahu atau tidak tahu, "aku tidak peduli". Minta maaf, "I don't care what happens to you, go to hell with you!". [Ketawa] "Baliklah ke negara kamu". Dia menjadi satu bangsa yang besar yang menggerunkan Portugis, menggerunkan Inggeris dan yang lain-lain yang datang, "hendak berdagang, tulis di dalam bahasa Jawi!" "Aku tidak peduli". Jadi kita rasa besar, Tetapi sekarang Kementerian telah mengakui, kalau kita menggunakan Bahasa Malaysia kita menjadi satu negara besar setaraf dengan Russia, Inggeris dan China. Maka sekarang juga saya menyeru Kementerian dan Menteri-menteri, gunakan Bahasa Malaysia apabila berdepan dengan pemimpin-pemimpin negara-negara asing yang mahu berbincang dengan kita. Terima kasih,

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk, jadi cadangannya atau tegurannya apa?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Saya sudah tegur begitu, dia hendak pakai atau tidak, tak apalah. [Ketawa]

Dato' Dr. Abdullah Fadril bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad yang begitu kuat ingin mengenengahkan Bahasa Malaysia untuk digunakan sebagai bahasa perantaraan bagi antarabangsa. Mudah-mudahanlah kita akan melihat satu hari kelak Bahasa Malaysia, bahasa Melayu - bahasa Asia Tenggara ini akan dapat diterima. Lagipun kita kira bahawasanya bahasa Melayu adalah di antara 10 bahasa yang terbesar yang dicakapi oleh seluruh makhluk dalam dunia. Memang ada potensi, tetapi kita mesti melihat akan keadaan semasa. Oleh kerana kita sebuah negara yang ingin berdagang,

lebihnya, kita perlu membuat sesuatu perkara itu mengikut penerimaan dan keadaan semasa dan saya kira kita tidak merasa rendah diri walaupun kita kurang menggunakan Bahasa Malaysia dalam setengah-setengah perbincangan. Oleh kerana dalam setengah-setengah forum atau persidangan itu memang mudah digunakan bahasa Inggeris supaya difahami dengan lebih tepat, lebih betul oleh para pendengar kita. Yang pentingnya, kita ingin menyampaikan pendapat dan pemikiran Kerajaan Malaysia ini dengan jelas kepada pihak yang ingin kita sampaikan kita punya pesanan. Ini perlu ada kalanya kita menggunakan juga bahasa-bahasa yang boleh difahami oleh mereka.

Tetapi saya ingin menyatakan bahawasanya Kementerian Luar Negeri tidak langsung ada niat atau ada apa-apa perancangan untuk hendak menghalang penggunaan Bahasa Malaysia dalam persidangan-persidangan ataupun perjumpaan-perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin ataupun pelawat-pelawat luar. Insyallah, dari masa ke semasa kita akan dapat mempertingkatkan lagi usaha kita untuk memperkenalkan dan memperhebahkan Bahasa Malaysia. Walaupun saya kata kita negara kecil, tidak semestinya kita tidak boleh mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia. Yang pentingnya kita mesti maju, kuat dan kaya dari segi ekonomi dan politik kita. Contohnya, Jepun. Ianya bukanlah negara yang besar sangat. Memang benarlah China dan Russia negara besar tetapi Jepun tidak begitu besar sangat tetapi oleh kerana kukuh ekonominya, maka bahasa mereka itu diminati oleh banyak negara. Kita pun juga akan berbuat demikian dengan melihat contoh negara Jepun apabila kita maju dari segi ekonomi, stabil dari segi politik dan kita yakin bahawa lain-lain negara juga akan berminat dalam mempelajari dan menggunakan Bahasa Malaysia di suatu hari kelak.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ah! minta laluan lagi, ya?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu Seminar Kebangkitan Bangsa Melayu di Seluruh Dunia - Forumnya kita buat di Village Resort, Negeri Melaka. Kita minta semua Kertas-kertas Kerja ditulis dalam Bahasa Malaysia. Pemimpin-pemimpin seluruh dunia datang ke Melaka, semua membentangkan Kerja Kerja itu dalam Bahasa Malaysia yang baik. Inikerana kita meminta, "kalau hendak datang ke Melaka mesti cakap Melayu!" Semua boleh bercakap Melayu dengan baik.

Jadi, saya berharap bahawa kita mempunyai keyakinan, siapa yang hendak berunding dengan kita, kita bercakap dengan Bahasa Malaysia dan orang akan menghormati kita lebih baik. Sebabnya zaman penjajah sudah berlalu bagi kita mengagungkan bahasa Inggeris **ini**. Terima kasih.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, itu bukannya soalan tetapi cadangan dan saya tidak ada apa-apa hendak tambah. Masa pun sudah lewat. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian dalam perbincangan Titah DiRaja ini yang menyentuh tentang hal ehwal berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri. Mana yang tidak dapat saya jawab pada hari ini akan kita ambil catatan dan tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Setiausaha Kementerian Kesihatan.

6.09ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. [Dato' K. Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah memberi perhatian kepada isu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan fungsi Kementerian Kesihatan sewaktu membincangkan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong kerana perkenan Baginda menyampaikan Ucapan DiRaja pada 26hb April yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz telah membangkitkan isu mengenai sokongan Kementerian Kesihatan kepada sebuah badan yang telah menganjurkan aktiviti . "Malam Memperingati Orang-orang Yang Telah Meninggal Dunia Kerana AIDS". Mengikut Ahli Yang Berhormat, tindakan Kementerian Kesihatan tersebut adalah kurang wajar dan patut dikaji.

Saya sangat-sangat menghargai teguran Ahli Yang Berhormat itu. Bagaimanapun sukalah saya memaklumkan di sini, bahawa di antara strategi-strategi Kementerian Kesihatan, dalam melaksanakan program pencegahan AIDS ialah melalui peningkatan kerjasama Kementerian dengan badan-badan Kerajaan dan bukan Kerajaan, serta membangkitkan kesedaran orang ramai terhadap bahaya AIDS. Sokongan kepada organisasi yang berkenaan lebih merupakan penghargaan Kementerian Kesihatan kepada keseluruhan aktiviti-aktiviti positif badan tersebut di dalam membantu Kementerian memerangi bahaya AIDS dan bukanlah semata-mata kepada aktiviti "Malam Memorial AIDS" itu sahaja.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta laluan? Sila.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, iaitu Kementerian memberi sokongan dan penghargaan kepada aktiviti persatuan yang positif terhadap melawan AIDS. Jadi, saya hendak bertanya, apakah memperingati orang yang telah meninggal dunia kerana AIDS, disabitkan kerana seks rambang, disabitkan kerana homosexual activities, disabitkan kerana pengihan dadah, apakah ini merupakan aktiviti yang positif, yang hendak disokong oleh Kementerian Kesihatan?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, tadi, saya memberi

penjelasan bahawa itu bukan satu aktiviti positif, dan Kerajaan secara langsung telah memberi sokongan bukan untuk aktiviti **ini**, iaitu "Malam Memorial AIDS". Kerajaan secara langsung tidak memberi sokongan. Kita hanya memberi sokongan kepada aktiviti yang lain, yang dijalankan oleh persatuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh pula telah menarik perhatian Kementerian Kesihatan tentang kekurangan pakar perunding di seluruh Malaysia sehingga ada di antara hospital di negeri-negeri tertentu yang tidak ada pakar perunding.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kekurangan Doktor-doktor Pakar sememangnya merupakan masalah yang telah lama dibangkitkan. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk mengatasinya sejauh mana yang boleh dan setakat ini semua. Hospital Besar dan beberapa Hospital Daerah di negara ini telah mempunyai doktor-doktor pakar khususnya di dalam bidang kepakaran asas seperti perubatan umum, pembedahan, pakar kanak-kanak, perbidanan dan sakit puan.

Walau bagaimanapun, tidaklah dapat dinafikan bahawa bilangan doktor-doktor pakar yang ada sekarang masih belum mencukupi. Usaha-usaha telah dipertingkatkan secara berterusan untuk menambah bilangan doktor-doktor pakar dalam Kementerian Kesihatan dengan memberi banyak lagi kemudahan latihan kepakaran di universiti-universiti tempatan serta luar negara mempergiatkan galakan kepada

doktor-doktor biasa untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang kepakaran, melantik pakar-pakar daripada luar negara dan pesara-pesara di dalam negara secara kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran di atas saranan Yang Berhormat supaya Kerajaan mengkaji dan memastikan kecuaiian di dalam merawat pesakit-pesakit, terpotong jari, tersalah merawat di bahagian anggota yang tidak sakit dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Kerajaan mengawasi hospital-hospital swasta dari segi kecuaiian rawatan dan penetapan kadar bayaran perkhidmatan yang terlalu tinggi.

Ahli Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng juga membuat teguran mengenai perkara yang hampir sama iaitu kelalaian dan kecuaiian pegawai perubatan serta jururawat sewaktu merawat pesakit-pesakit.

Ahli Yang Berhormat seterusnya mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan menyediakan garispuandu atau kaedah-kaedah yang perlu di-amalkan serta dipatuhi oleh pegawai-pegawai perubatan dan jururawat-jururawat di dalam merawat pesakit-pesakitnya.

Ahli Yang Berhormat berkenaan juga turut mencadangkan supaya garispuandu atau peraturan-peraturan itu patut diumumkan kepada orang ramai supaya mereka bukan sahaja tahu kaedah-kaedah perawatan., akan tetapi mereka boleh mengesan kecuaiian doktor dan jururawat apabila berlaku satu-satu perkara berbangkit akibat perawatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon. izin untuk menjawab teguran-teguran di atas secara serentak kerana ia melibatkan isu yang hampir sama, Kementerian ini sememangnya sedar dan peka terhadap kes-kes kecuaiian. yang dilakukan oleh pegawai-pegawai perubatan dan jururawat-jururawat di hospital-hospital Kerajaan dan mengambil tindakan susulan untuk mengadakan penyiasatan yang rapi terhadap kecuaiian-kecuaiian tersebut. Misalnya, di antara tahun 1992 hingga 1993, sebanyak 42 kes aduan telah diterima dan didapati benar selepas penyiasatan-penyiasatan dijalankan dan bayaran pampasan sebanyak

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong berhenti sekejap!

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga setelah selesai perbahasan atas Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas daripada itu, Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga jam 2.30 petang pada 7hb Jun 1993".

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah satu Usul untuk tidak menangguhkan Dewan sehingga setelah selesai perbahasan atas Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong dan selepas dari itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang pada 7hb Jun 1993.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga setelah selesai perbahasan atas Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas dari itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga jam 2.30 petang pada 7hb Jun 1993".

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH**

Perbahasan disambung semula

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Dato' K. Kumaran.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, misalnya, di antara tahun 1992 hingga 1993, sebanyak 42 kes aduan telah diterima dan didapati benar selepas penyiasatan-penyiasatan dijalankan dan bayaran pampasan sebanyak kira-kira RM1.5 juta telah dilakukan kepada mangsa-mangsa yang berkenaan. Tindakan tatatertib mengikut

peraturan-peraturan yang ada juga telah diambil ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat.

Mengenai langkah-langkah pencegahan. kecuaiannya pula, Kementerian ini telah mengadakan garis panduan-garis panduan dan protokol-protokol pengendalian, rawatan, mempertingkatkan kesedaran. terhadap tanggungjawab melalui kursus dan latihan di dalam perkhidmatan, melaksanakan program 'quality assurance' bagi menentukan standard-standard perkhidmatan yang perlu diberikan serta meningkatkan lagi aspek-aspek bimbingan, pengawasan dan penyeliaan ke atas pegawai dan kakitangan perubatan. yang berkhidmat di semua hospital-hospital Kerajaan.

Kementerian Kesihatan juga bercadang untuk menubuhkan. pasukan-pasukan audit perubatan untuk menyiasat kes-kes kecuaiannya dan menentukan supaya semua garis panduan dan protokol pengendalian rawatan dipatuhi oleh pegawai dan kakitangan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sememangnya mengawasi perjalanan hospital-hospital dan pusat-pusat rawatan swasta mengikut Akta Hospital Persendirian 1971. Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengawal kadar bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta tersebut kerana mengikut kelazimannya, harga perkhidmatan adalah ditentukan. oleh permintaan dan penawaran di pasaran. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Setiausaha Parlimen. Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan berkaitan dengan perkara-perkara yang ada hubung-kait dengan Kementerian Kewangan. Ada empat isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama, berkaitan dengan inflasi; kedua, berkaitan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri; ketiga, berkaitan dengan peruntukan negeri Kelantan, dan yang keempat, berkaitan dengan kontrak.

Perkara-perkara berkaitan dengan kontrak telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya dan saya tidak ingin hendak mengulangi jawapan beliau iaitu persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Rahaiah, Yang Berhormat Tuan K. Munisamy, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam, Yang Berhormat Datuk William Chek dan Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow telah membangkitkan soal inflasi dan mereka berharap supaya Kerajaan akan dapat membendung dan mengawalinya. Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih di atas prihatin mereka ke atas isu ini. Sebagaimana yang kita maklum, pada tahun lepas kadar inflasi ialah 4.7% dan pada tahun ini kita menjangkakan 4.5% dan Kerajaan akan melakukan apa juga yang mungkin bagi memastikan bahawa kadar ini berada pada tahap yang paling rendah.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi termasuklah mengekalkan dasar kewangan (monitoring policy) yang ketat. Kedua, mengawal dengan teliti perbelanjaan awan. Ketiga, menggalakkan tabungan dalam negeri termasuklah memperkenalkan bond simpanan Malaysia baru-baru ini, yang berjumlah RMI bilion, mengawal peningkatan perbelanjaan swasta dengan memperketatkan syarat-syarat pengeluaran kad kredit, meningkatkan latihan kemahiran, menambahkan peruntukan pembangunan infrastruktur bagi mengurangkan kesesakan, di samping mengembangkan keupayaan pengeluaran.

Untuk menunjukkan kesungguhan Kerajaan bagi membendung inflasi ini, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita dapat mengawal dan mengurangkan lagi kadar inflasi pada tahap paling minimum yang mungkin. Untuk **itu**, kita juga memerlukan sokongan dan kerjasama daripada rakyat kerana tanpa sokongan dan kerjasama rakyat, maka apa jua usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi membendung inflasi tidak ada tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Hanipah Ahmad telah mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah bank rumah bagi membantu rakyat yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita dimaklumkan bahawa butir-butir terperinci mengenai cadangan penubuhan bank rumah masih lagi dalam kajian Kerajaan. Sementara **itu**, Kerajaan sedang melaksanakan beberapa program bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk mendapat pinjaman perumahan yang berpatutan dan kita

telah menetapkan kadar faedah maksimum, umpamanya, sebanyak 9% ke atas permohonan-permohonan pinjaman perumahan yang mana kosnya adalah kurang daripada RM100,000.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz telah mencadangkan supaya Jabatan Hasil Dalam Negeri menyiasat mengenai beberapa orang ADUN USNO yang telah berkomplot dengan pemimpin-pemimpin PBS, yang dikatakan telah menerima wang sogokan daripada pemimpin-pemimpin tertentu bagi menubuhkan sebuah Kerajaan campuran di Sabah. Dalam hal ini ingin ditegaskan bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri sentiasa dari masa ke semasa menyiasat orang-orang yang disyaki mengelakkan cukai atau tidak melaporkan pendapatan dengan betul tanpa mengira mana-mana golongan sekalipun. Sekiranya berlaku penipuan, ataupun disyaki berlaku penipuan di dalam mengisytiharkan harta dan pendapatan, maka tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha Hussin ingin mendapat perangkaan terperinci mengenai peruntukan dan perbelanjaan Kerajaan Pusat kepada negeri Kelantan. Beliau juga menyarankan agar Kerajaan negeri Kelantan dan rakyat negeri Kelantan bersyukur kepada Kerajaan Pusat kerana memberi bantuan yang begitu banyak kepada Kerajaan negeri Kelantan. Ingin saya tekankan di sini bahawa Kerajaan Pusat adalah berlaku adil.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sakalian, di sini saya nyatakan tiga bentuk perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat kepada negeri Kelantan pada tahun 1991 dan 1992. Umpamanya, pada tahun 1991, jumlah perbelanjaan Kerajaan Pusat kepada negeri

DN.27.5.93

Kelantan ialah RM778.2 juta yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus bagi membiayai perbelanjaan kakitangan pusat di negeri Kelantan iaitu sebanyak RM511 juta, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Pusat negeri Kelantan yang berjumlah RM176.8 juta dan akhirnya grant ataupun pemberian yang berjumlah RM90.4 juta.

Jadi, pada tahun 1991, kesemua sekali jumlah perbelanjaan Persekutuan di negeri Kelantan ialah RM778.2 juta. Bagi tahun lalu, jumlah perbelanjaan mengurus untuk membiayai kakitangan Kerajaan pusat yang berada di Kelantan ialah RM628.7 juta, untuk perbelanjaan pembangunan RM186 juta dan angka terakhir yang ada pada kita telah menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat adalah mengeluarkan grant (pemberian) yang berjumlah RM91.4 juta pada tahun lalu. Jumlah perbelanjaan keseluruhan pada tahun lalu yang dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat di Kelantan ialah RM906.1 juta. Jadi, amat wajar sekalilah, sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha supaya rakyat Kelantan bersyukur kepada Kerajaan Pusat atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan untuk membolehkan negeri tersebut terus berfungsi sebagai sebuah Kerajaan.

Itulah empat perkara utama yang dibangkitkan. Satu perkara sampingan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Che Pora iaitu berkaitan dengan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar, beliau telah mengatakan bahawa Amanah Ikhtiar ini menumpukan perhatiannya hanya kepada beberapa kawasan tertentu sahaja dan ada kawasan-kawasan yang tidak diliputi langsung oleh Amanah ini. Dalam hubungan ini, walaupun ini tidak ada kaitan

secara langsung dengan Kementerian Kewangan, sekiranya Puan Hajah Che Pora boleh berhubung dengan kami bagi memberi butir-butir lanjut bolehlah kami membantu menyasat akan keadaan sebenarnya yang berlaku. Itulah antara perkara-perkara atama yang dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Bagi pihak Menteri Kewangan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan atas Titah DiRaja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Mohamad Nazri bin Abdul Aziz telah mengemukakan Usul supaya cenderamata yang diberikan oleh hotel-hotel kepada para pelancong hendaklah berunsurkan kraftangan buatan asli negara **ini**, seperti tudung saji dari Sarawak atau apa-apa hasil dari industri desa dari Sabah. Kementerian akan memastikan supaya pihak hotel membeli barang-barang buatan masyarakat luar bandar untuk dijadikan cenderamata tersebut.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memang sangat menggalakkan pihak pengusaha-pengusaha hotel supaya menjadikan cenderamata hasil kraftangan tempatan atau yang menggunakan bahan-bahan tempatan untuk diberi ataupun dijual kepada para pelancong. Selain dari itu, Kementerian ini juga menggalakkan pihak pengusaha-pengusaha hotel menggunakan bahan-bahan tempatan sebagai hiasan di dalam ataupun di luar hotel-hotel mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat saya sama juga telah mencadangkan supaya satu peraturan kawalan harga diadakan untuk mengawal kenaikan harga sewa bilik di hotel-hotel. Tujuannya adalah agar pelancong akan datang ke Malaysia tiap-tiap tahun, bukanlah pada tempoh masa yang tertentu sahaja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak menetapkan ataupun mengawal harga sewa bilik hotel-hotel di negara ini, Kadar sewa bilik hotel di negara ini adalah ditentukan oleh sistem pasaran di mana ianya bergantung kepada permintaan dan penawaran. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengingatkan pengusaha-pengusahaan hotel supaya menetapkan kadar harga sewa bilik hotel mereka supaya kompetitive dengan kadar sewa bilik hotel di negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan dan cadangan yang membina kepada Kementerian, sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Kesemua teguran ini akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan yang sewajarnya di dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Di jemput Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

6.29 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Alexander Yu Lung Lee]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang **Ber-**hormat yang telah menyentuh tentang perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh Kementerian ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba dan Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam yang telah menyentuh mengenai Hari Perpaduan yang disambut pada 16hb September setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sambutan Hari Perpaduan adalah merupakan kemuncak kepada program-program promosi yang diadakan di peringkat daerah dan juga negeri. Bagi memanfaatkan Hari Perpaduan ini, beberapa program telah disusun untuk sambutan hari tersebut bagi tahun ini iaitu Tabikarama perpaduan, Pesta Masakan Rakyat Malaysia dan Pesta Muzik Perpaduan. Di majlis sambutan ini juga akan disampaikan kalung perpaduan kepada mereka yang menyumbangkan pengorbanan kepada anggota masyarakat tanpa mengira kaum.

Saya juga mengucapkan terima kasih, kepada Yang Berhormat Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali yang telah mengemukakan cadangan mengenai penubuhan Unit Pembangunan dan Kaunseling. Kementerian saya sedar akan perlunya golongan masyarakat yang miskin ini diberi bimbingan dan kaunseling di dalam pernilihan mereka. Sukacita dimaklumkan bahawa dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, Pegawai Kebajikan Masyarakat di semua peringkat sentiasa memberikan bimbingan dan kaunseling bagi setiap masalah yang dihadapi oleh client Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menentukan mereka ini dapat menyelesaikan masalah dan seterusnya mencapai kehidupan yang lebih

sejahtera supaya tidak bergantung kepada Kerajaan semata-mata. Kaunseling merupakan sebahagian daripada mekanisme yang digunakan dalam perkhidmatan kebajikan ikhtisas.

Menyentuh mengenai masalah sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Chong Chi Siong, Kementerian saya memang sedar atas peningkatan masalah ini, di samping meneruskan tugas dan tanggungjawab berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada. Kementerian ini sedang mengambil langkah-langkah seterusnya dalam menangani masalah ini supaya perkhidmatan yang diberikan memberi manfaat.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail yang telah menyarankan supaya Kerajaan membantu kaum wanita dalam mengharungi dunia moden. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedar akan pentingnya peranan wanita dalam pertumbuhan ekonomi negara dan berhasrat memperbaiki laluan atau akses mereka kepada peluang-peluang perniagaan terutamanya cara-cara untuk mendapatkan modal dari agensi-agensi kewangan.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita luar bandar dalam kegiatan-kegiatan yang menambahkan pendapatan, Kementerian saya juga mengaturkan kursus-kursus motivasi dan juga kursus-kursus kemahiran dalam bidang keusahawanan bagi menambahkan keyakinan dan mendedahkan mereka kepada pengetahuan dan persekitaran perusahaan yang baru.

Usaha juga sedang diambil untuk membukukan Pusat Sumber Maklumat Wanita supaya dapat berfungsi sebagai pusat rujukan dan perujukan mengenai maklumat-maklumat yang berkaitan dengan wanita.

Menyentuh mengenai seruan Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengambil tindakan segera supaya taraf sosio-ekonomi rakyat yang daif terutama di kawasan luar bandar dipertingkatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya memang sentiasa berusaha ke arah peningkatan sosio-ekonomi rakyat miskin melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh agensi di bawah Kementerian seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Bahagian Hal-Ehwal Wanita. Walau bagaimanapun, apa yang diharapkan juga ialah tanggungjawab ini hendaklah juga dipikul bersama oleh masyarakat supaya sama-sama cnenjarain kebajikan rakyat terpelihara. Dengan cara **ini**, masalah tersebut dapat diatasi dengan berkesan.

Kementerian saya juga telah memulakan usaha-usaha yang melibatkan badan-badan korporat dan meningkatkan penglibatan badan-badan bukan Kerajaan dalam menangani masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat,

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng yang telah membangkitkan mengenai Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak Akta tersebut dikuatkuasakan, Kerajaan telah mengambil beberapa usaha dan tindakan supaya wanita dan gadis

tidak terdedah kepada masalah-masalah sosial serta maksiat. Walaupun usaha ini telah menunjukkan kejayaan, tetapi Kementerian saya sedar, banyak lagi usaha perlu diambil. Ini memerlukan kajian yang mendalam sebelum sesuatu tindakan dapat dilaksanakan, Apa yang diharapkan ialah orang ramai perlulah juga membantu dan bertanggung-jawab terhadap kebajikan ahli-ahli keluarga mereka.

Saya mengucapkan terima kasih kepada soalan apakah status Rukun Tetangga yang dikemukakan oleh Puan Sri Sarasa Pasamanickam. Jawatankuasa Rukun Tetangga masih wujud. Terdapat lebih kurang 1,200 kawasan Rukun Tetangga yang telah diwujudkan oleh Jabatan Perpaduan Negara. Jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga ini bukan sahaja menjalankan aktiviti tetapi sedang meluaskannya untuk menyemai dan menggalakkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat berbilang keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-pertua: Dipersilakan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.36 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha] : Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya mengambil kesempatan merakamkan sebanyak-banyak terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat ke atas perbahasan mengenai Titah Ucapan DiRaja yang khususnya menyentuh bidangkuasa Kementerian ini.

Antara perkara-perkara yang disentuh dan dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah Projek Perumahan Awam Kos Rendah, rancangan di taman-taman perumahan dan kriteria bagi menetapkan harga rumah kos rendah.

Tuan Yang di-pertua, Yang Berhormat Senator Frankie Chong. Yu Chee telah membangkitkan mengenai perlunya ada satu Projek Perumahan Awam Kos Rendah untuk membantu rakyat miskin mendapatkan rumah. Suka saya menjelaskan bahawa Kerajaan memang mempunyai beberapa rancangan demikian termasuk satu skim yang dinamakan Skim Pertapakan dan Kemudahan Asas yang ditujukan kepada rakyat miskin yang tidak mampu memiliki rumah di bawah program rumah murah biasa. Bagaimanapun, ini bergantung kepada pertimbangan Kerajaan Negeri untuk menerima dan melaksanakan skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong telah menyarankan supaya dibuat perancangan yang teliti terutama di taman-taman perumahan untuk mengelakkan berlakunya tanah runtuh dan air bertakung yang menyebabkan berlakunya banjir. Pihak Berkuasa Tempatan adalah pihak yang bertanggungjawab meluluskan pelan-pelan yang dikemukakan oleh pemaju sebelum projek dilaksanakan

termasuklah projek perumahan. Dalam hal ini, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang ke-35 yang telah diadakan pada bulan September 1990 dan meluluskan deraf Undang-undang Kecil Kerja Tanah. Pihak Berkuasa Negeri adalah dikehendaki mewartakan undang-undang kecil ini untuk dicubapakai oleh pihak Berkuasa Tempatan masing-masing. Pihak Berkuasa Tempatan dalam meluluskan pelan-pelan ini boleh menggunakan syarat-syarat termasuklah syarat-syarat yang akan menentukan tidak berlakunya tanah runtuh dan air bertakung.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong juga telah menyarankan supaya harga rumah kos rendah dibuat secara flexible berdasarkan kepada bentuk fizikal rumah, bahan binaan dan lain-lain faktor. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini harga sebuah rumah murah kos rendah ialah RM25,000 atau kurang. Untuk mengurangkannya menjadi lebih rendah dari itu adalah agak sukar. Walaupun ada negeri-negeri yang menentukan harga jualannya kurang dari RM25,000 seperti di negeri Johor.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpendapat bahawa ini adalah satu cadangan yang perlu dikaji dan pihak Kementerian boleh melihat kepada kemungkinan melaksanakannya sekiranya mendapat kerjasama dari Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Datuk Haji Abdullah bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada permintaan laluan.

Datuk Haji Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian memberi kuota rumah murah ini kepada bangsa-bangsa misalnya, kuota Melayu berapa, Cina berapa, India berapa dalam sesuatu rancangan perumahan yang dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ekonomi kaum-kaum yang tidak seimbang, sememangnya ada ditentukan peruntukan-peruntukan di dalam menentukan projek perumahan. Sebahagian daripadanya diperuntukkan untuk bumiputera.

Untuk Negeri Johor misalnya, 40% daripada projek perumahan adalah diperuntukkan untuk bumiputera, manakala di negeri-negeri lain ialah 30%.

Ahli Yang Berhormat Senator itu juga ingin mengetahui apakah kriteria yang digunakan bagi menetapkan harga rumah kos rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa kriteria yang digunakan bagi menetapkan harga rumah kos rendah seperti menentukan sama ada kumpulan sasaran yang dituju mampu memiliki rumah berkenaan dan juga faktor-faktor kos seperti kos tanah, kos infrastruktur dan kos pembelian rumah berkenaan serta permintaan dari pemohon rumah-rumah jenis berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator K. Munisamy telah mencadangkan supaya Kerajaan menggantikan tempat-tempat kuil yang telah dirobuhkan bagi tujuan pembangunan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah merupakan bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Secara amnya, Kerajaan Pusat ada membawa perkara ini untuk perhatian Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah membangkitkan dan memberi pandangan serta cadangan- cadangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian ini. Apa-apa juga perkara yang dibangkitkan serta pandangan yang diberi akan diambil tindakan dan perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Usul diputuskan, saya ingin mengumumkan bahawa seorang daripada Ahli kita, iaitu Senator Foo Boon Liang yang duduk di sebelah Senator Puan Hajah Rahmah binti Salleh **itu**, beliau akan habis tempohnya pada 6hb Jun ini, sepatutnya; dan hari ini adalah hari akhir. Kebetulan hari ini dia tak **ada**. Yang Berhormat Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail pun sekali serentak tamat tempoh. Itu sebagai satu pengumuman biasa. Jadi, hari akhir untuk mereka berdua. Kalau hendak tepuk pun, tepuklah sedikit. **[Tepuk]**

Kita tentulah sama-sama mengucapkan maju jaya dan kita sama-sama berterima kasih terhadap perkhidmatan yang mereka curahkan kepada Dewan yang mulia **ini**. Dalam semangat kita menghadapi Hari Raya Haji **ini**, kita sama-samalah menghadapi suasana sejahtera dan dengan adanya kunjung-mengunjung itu, kita harap akan menjadi satu contoh yang baik kepada kesejahteraan permasyarakatan negara kita.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan. Agong, demikian bunyinya:

"Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mempersembahkan suatu ucapan yang zalil- daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda kerana Titah Ucapan Seri Paduka- Baginda pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelapan,"

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelapan."

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan
ditangguhkan hingga 2.30 petang, 7hb Jun 1993.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.